

LAPORAN TAHUNAN **2013** ANNUAL REPORT



© Hak Cipta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Hak Cipta ini adalah milik Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Adalah perlu untuk memaklumkan penggunaan. Hak Cipta terpelihara.

© Copyright Enforcement Agency Integrity Commission

The copyright of this report belongs to the Enforcement Agency Integrity Commission. All or any part of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made or with the Commission's permission. The Commission assumes no responsibility, warranty and liability, expressed or implied by the reproduction of this publication done without the Commission's permission. Notification of such use is required. All rights reserved.

ISI KANDUNGAN

CONTENTS

PERUTUSAN Pengerusi	2	CHAIRMAN'S MESSAGE	2
MAKLUMAT KORPORAT	9	CORPORATE INFORMATION	9
i) Visi, Misi, Moto dan Logo	10	i) Vision, Mission, Motto and Logo	10
ii) Fungsi Suruhanjaya	12	ii) Functions of the Commission	12
iii) Struktur Organisasi	13	iii) Organisational Structure	13
iv) Fungsi Bahagian	14	iv) Functions of the Divisions	14
SURUHANJAYA	17	THE COMMISSION	17
i) Keanggotaan	19	i) Constitution	19
ii) Pelaksanaan Fungsi	20	ii) Execution of Functions	20
iii) Aktiviti	22	iii) Activities	22
PENGURUSAN ADUAN	39	DEALING WITH COMPLAINTS	39
i) Penerimaan Aduan Salah Laku	41	i) Receipt of Complaint of Misconduct	41
ii) Penyiasatan Aduan Salah Laku	42	ii) Investigation into Complaint of Misconduct	42
iii) Statistik Aduan	44	iii) Complaint Statistics	44
PROMOSI DAN HUBUNGAN LUAR	55	PROMOTIONS AND PUBLICITY	55
i) Hubungan dengan Agensi	57	i) Rapport with Agencies	57
ii) Hubungan dengan Media	58	ii) Media Relations	58
iii) Aktiviti Bersama Masyarakat	59	iii) Joint Community Activities	59
iv) Pendidikan	60	iv) Education	60
v) Penerbitan Video Korporat	66	v) Corporate Video Production	66
vi) Pameran Pendidikan dan Kesedaran	66	vi) Education and Awareness Exhibition	66
PENTADBIRAN	67	ADMINISTRATION	67
i) Perjawatan	69	i) Post	69
ii) Pembangunan Sumber Manusia	70	ii) Human Resource Development	70
iii) Kewangan	74	iii) Finance	74
iv) Majlis Bersama Jabatan	74	iv) Joint Departmental Council	74
CABARAN DAN USAHA PENAMBAHBAIKAN	75	CHALLENGES AND ACTIONS TAKEN	75
LAMPIRAN	81	ANNEXURES	81
i) Lampiran 1 - Carta Organisasi	82	i) Annexure 1 - Organisation Chart	82
ii) Lampiran 2 - Mesyuarat 2013: Kehadiran Anggota Suruhanjaya	84	ii) Annexure 2 - 2013 Meetings: Attendance of Commissioners	84
iii) Lampiran 3 - Carta Aliran Pengurusan Aduan	88	iii) Annexure 3 - Complaints Management Flow Chart	88
iv) Lampiran 4 - Kenyataan Media	90	iv) Annexure 4 - Press Statements	90
v) Lampiran 5 - Sijil dan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Suruhanjaya	96	v) Annexure 5 - Auditor General's Certificate and Report on Commission's Accounts	96

PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S MESSAGE

DATUK HELILIAH MOHD YUSOF

Pengerusi/Chairman

*Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan/
Enforcement Agency Integrity Commission*



PADA TAHUN 2014, SURUHANJAYA BERTASRAT MEMULAKAN KAJIAN BAGI MENGENAL PASTI SEBAB DAN PUNCA YANG MENYUMBANG KEPADA KEGAGALAN KAKITANGAN AGENSI PENGUATKUASAAN MENGEKALKAN INTEGRITI. SUDAH NYATA BAHAWA MUNGKIN TERDAPAT KEKURANGAN PENYELIAAN ATAU KELEMAHAN DALAM PROSEDUR OPERASI STANDARD YANG DIGUNAKAN OLEH JABATAN.

THE COMMISSION INTENDS, IN 2014, TO EMBARK ON A STUDY TO IDENTIFY THE CAUSE AND SOURCES CONTRIBUTING TOWARDS PERSONNEL IN THE ENFORCEMENT AGENCIES FAILING TO ADHERE TO INTEGRITY. IT IS APPARENT THAT THERE MAY BE A LACK OF SUPERVISION OR LOOPHOLES IN THE STANDARD OPERATION PROCEDURE ADOPTED BY DEPARTMENTS.

Menjelang April 2014, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan akan mencecah tahun ketiga penubuhannya. Peristiwa-peristiwa yang berlaku sejak Akta 700 dikuatkuasakan pada April 2011, membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan yang bijak dalam memulakan langkah bagi menangani trend yang sangat memudaratkan, iaitu penyalahgunaan kuasa dalam penguatkuasaan undang-undang oleh orang yang sebenarnya diamanahkan dengan kuasa dan tanggungjawab untuk memelihara dan menegakkan undang-undang.

Suruhanjaya ini terus menerima aduan daripada individu-individu di mana kebanyakannya ialah tentang salah laku kakitangan daripada pasukan polis. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kes-kes sabitan yang dilaporkan, terutamanya kerana rasuah, yang secara khususnya berlaku dalam kalangan pegawai daripada Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan atau Jabatan Kastam. Peningkatan ketara penggunaan senjata api dalam perbuatan yang salah dan perlakuan jenayah juga menunjukkan bahawa terdapat kelonggaran yang membimbangkan dalam penguatkuasaan undang-undang atau kurangnya kesedaran yang aktif dan berterusan bagi menambah baik prosedur atau standard sedia ada dalam penguatkuasaan undang-undang.

Rentetan peristiwa yang berlaku kebelakangan ini yang tertumpu pada pendatang haram, penyeludupan dadah atau kontraban, jenayah terancang seperti pengubahan wang haram, pemalsuan, dan bukan hanya kes meragut beg atau menyamun, semuanya menyokong pendirian yang diambil bahawa sebuah Suruhanjaya tidak sepatutnya dihadkan semata-mata untuk menangani perbuatan salah laku pegawai polis.

By April 2014, the Enforcement Agency Integrity Commission will be in the third year of its inception. The events that have transpired, since Act 700 was brought into force in April 2011, have proven that the Government of Malaysia has taken a prudent step in instituting measures to address a very unhealthy trend, that is, the abuse and misuse of power in the enforcement of legislation by the very persons who are entrusted with the power and responsibility to preserve and uphold the law.

The Commission continues to receive complaints from individuals mostly about the misconduct of personnel from the police force. Nevertheless, there is no doubt that there are reported cases of convictions, primarily for corruption, particularly amongst officers, from the Immigration Department, Road Transport Department or the Customs Department. The apparent increase in the use of firearms in the commission of offences and criminal acts also suggests that there is an alarming lack of enforcement in legislation or a lack of active and continuous awareness of improving existing procedures or standards in the enforcement of legislation.

The recent spate of events focusing on illegal immigrants, smuggling of drugs or contraband, organized crime such as money laundering counterfeit, forgery, and not just bag snatching or mugging, all substantiate the position taken that there should not be a Commission confined solely to address the misconduct of police officers.



Pada masa ini, kategori aduan boleh dikatakan terhad. Aduan secara amnya, adalah tentang perlindungan yang didakwa diberikan oleh pasukan polis kepada penjenayah, pesalah laku dan “ketua” dalam dunia jenayah. Kebanyakan aduan yang dikemukakan terhadap Jabatan Imigresen atau Jabatan Pengangkutan Jalan adalah tentang sogokan. Malangnya, terdapat orang awam yang membawa masalah peribadi mereka kepada pihak polis apabila berhadapan dengan kesukaran untuk menyelesaikannya. Antara contoh aduan seperti ini adalah aduan tentang dakwaan salah laku oleh syarikat kereta, bank, atau kes masalah domestik yang tidak dapat diselesaikan. Tiada usaha untuk mendapatkan tindakan sivil, sebaliknya laporan dibuat di balai polis dan aduan yang lazim adalah polis mengambil masa yang lama untuk menyiasat sesuatu tuduhan “jenayah”. Sesetengah orang awam juga menganggap pasukan polis sebagai agensi bagi mengemukakan rungutan peribadi mereka.

Walau bagaimanapun, berdasarkan aduan yang diterima, terbukti bahawa peratusan yang lebih tinggi untuk laporan yang diterima tentang salah laku polis juga berpunca daripada orang awam yang tidak tampil ke hadapan bagi memfailkan aduan terhadap agensi penguatkuasaan selain polis. Tambahan pula, terdapat orang awam itu sendiri yang bersubahat dengan agensi penguatkuasaan melakukan, menggalakkan atau membiarkan salah laku tersebut berlaku. Dengan kata-kata lain, terdapat segelintir masyarakat yang membantu, menggalakkan dan melakukan jenayah bersama dengan pegawai penguat kuasa. Terdapat beberapa kes semasa sesi dialog yang dikendalikan bersama-sama agensi penguatkuasaan, yang membayangkan bahawa pegawai agensi penguatkuasaan itu sendiri takut untuk mendedahkan segala-galanya tentang pegawai-pegawai mereka termasuk pegawai kanan atau pegawai atasan.

The categories of complaints may currently be described as restricted. The overall complaint is the alleged protection afforded by the police force to criminals, wrongdoers and the “bosses” in the criminal world. The complaints lodged against the Immigration Department or Road Transport Department are mostly about bribery. Regrettably, there are members of the public who take their personal problems to the police when encountering difficulties to solve them. Examples of this may be complaints of alleged wrongdoing by car companies, banks or instances of domestic problems that cannot be solved. Instead of seeking civil redress reports are lodged in police stations and the common complaint is that the police take a long time to investigate an alleged “crime”. Some members of the public also regard the police force as the agency to lodge their personal grouses.

However, from the complaints received it is also evident that the higher percentage of reports received about the misconduct of the police is also attributed to the fact that members of the public do not come forward to file complaints against enforcement agencies other than the police. In addition, there are members of the public who may themselves be in complicity with the enforcement agencies in committing abetting, or condoning the misconduct. In other words, there are members of the society who are themselves aiding, abetting and committing crimes together with enforcement officers. There have been instances during the dialogue sessions conducted with enforcement agencies where it has been hinted that enforcement agencies officers themselves are afraid to “spill the beans” on their own officers including their own senior or more superior officers.

Undang-undang yang mengawal selia fungsi Suruhanjaya itu sendiri memastikan kerahsiaan laporan yang dibuat oleh seorang individu terhadap mana-mana agensi penguatkuasaan dan dengan demikian menyebabkan kurangnya diadakan publisiti mengenai pelaksanaan tugas-tugas Suruhanjaya. Selain itu, tanggungjawab Suruhanjaya masih ditentukan oleh faktor bahawa Suruhanjaya tidak berurusan dengan "pegawai", jika salah laku dikenal pasti, memandangkan keputusan akhir terletak pada Badan Tatatertib, Pendakwa Raya atau Badan Pencegah Rasuah yang diberi kuasa untuk menjatuhkan tindakan akhir terhadap pesalah. Tambahan pula, tiada kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya untuk memantau tindakan sebenar dan tindakan akhir yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, Pendakwa Raya atau Badan Pencegah Rasuah kepada pegawai, yang berkenaan berhubung dengan mana-mana aduan yang telah diterima oleh pihak Suruhanjaya. Segala bakian budi bicara berhubung dengan tindakan akhir yang boleh diambil terhadap orang yang diadukan bukan terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya. Oleh itu, kesan langsung daripada tugas Suruhanjaya dalam tempoh tiga tahun tidak ketara.

Suruhanjaya telah mengadakan sesi dialog bersama agensi penguatkuasaan mengikut wilayah, iaitu Wilayah Utara, Wilayah Selatan, Wilayah Timur Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Pada penghujung sesi-sesi dialog, telah diaturkan sidang-sidang akhbar dan disamping itu sesi siaran telah diadakan di RTM1 dan TV9. Walau bagaimanapun, masih terdapat permintaan supaya sesi dialog itu diteruskan. Pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya juga dijemput untuk berucap kepada Agensi Kerajaan bagi menerangkan peruntukan Akta 700. Walaupun maklumat sudah disebarkan oleh Suruhanjaya, terdapat maklum balas bahawa masih terdapat keperluan untuk orang awam memahami fungsi Suruhanjaya. Lebih banyak sesi dialog antara Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dengan orang awam perlu diperluas. Kaedah baharu untuk menghebahkan tugas Suruhanjaya juga sedang dipertimbangkan.

The legislation regulating the functions of the Commission, by its very nature, insists on the confidentiality of reports lodged by individuals against any enforcement agency and hence there is seemingly a lack of publicity on the work of the Commission. In addition, the responsibility of the Commission is still governed by the factor that the Commission does not deal with the "officer" if misconduct is established since the end result is that, it is the Disciplinary Body, the Public Prosecutor or the Anti-Corruption Agency that is empowered to impose the final action against the offender. Moreover there is no power conferred on the Commissioner to monitor the actual and final action undertaken by the Disciplinary Authority, the Public Prosecutor or the Anti-Corruption Agency against the officer in respect of whom the complaint has been waged. The residual discretion of the final action to be undertaken is not vested with Commission. Hence, the direct impact of the work of the Commission within the space of the three years is not apparent.

The Commission has held dialogue sessions with the enforcement agencies by regions namely the Northern Region, the Southern Region of Peninsular Malaysia, Eastern Region as well as Sabah and Sarawak. At the end of the dialogue sessions, there have been press conferences, and televised sessions have been conducted with RTM 1 and TV 9. However, there are still requests for the dialogue sessions to continue. Officers from the Commission have also been invited to address Government Agencies to explain the provisions of Act 700. Despite the dissemination of information by the Commission, the feedback is that there is still a need for the public to be acquainted with the functions of the Commission. More dialogue sessions with NGOs and the public may have to be expanded. New modes of publicising the work of Commission are being considered.



Tinjauan yang dinyatakan di atas menonjolkan satu lagi aspek tentang Akta 700. Walaupun telah menjadi fungsi Suruhanjaya menyediakan ruang untuk orang ramai cuba memperolehi bantuan bagi menghadapi serta mengatasi salah laku agensi penguatkuasaan, tetapi pada masa yang sama terdapat aspek tanggungjawab, iaitu untuk menyemai kesedaran bahawa kurangnya integriti semakin menular dalam masyarakat.

Suruhanjaya telah mengadakan dialog dengan kakitangan daripada Agensi Penguatkuasaan yang disenaraikan di bawah Akta 700 serta Anggota Organisasi Bukan Kerajaan, dan maklum balas yang diterima menunjukkan bahawa masih terdapat keperluan yang besar untuk menyemai kesedaran dan kepekaan tentang integriti itu sendiri. Nampaknya usaha berterusan diperlukan bagi mengingatkan setiap peringkat masyarakat bagaimana perlunya diwujudkan kesedaran bahawa nilai integriti bukan berbentuk satu kemahiran yang semula jadi bagi setiap individu. Tindakan seolah berpura-pura mengambil berat tentang integriti tanpa menyedari bagaimana integriti menjadi asas sesuatu tindakan yang akan diambil merupakan usaha yang sia-sia.

Fasa tindakan Suruhanjaya seterusnya termasuklah merancang dan menguruskan program latihan tentang aspek integriti untuk pegawai penguat kuasa. Tindakan ini memerlukan kolaborasi dan kerjasama dengan pelbagai Agensi Kerajaan. Program motivasi juga penting dan tidak harus dibiarkan terlepas pandang.

The aforementioned observations highlight another aspect of Act 700. While it is the function of the Commission to provide an avenue for the public to seek redress against the misconduct of enforcement agencies, there is an equally incumbent aspect namely to instill awareness of the lack of integrity that seems to pervade society.

The Commission has convened dialogues with the personnel from the Enforcement Agencies listed under the Act 700 as well as members of Non-Governmental Organizations and the feedback indicates that there is still a vast need to instill awareness and consciousness about integrity itself. There is evidently, a need to have a continuous drive to remind all levels of society to take cognizance that there is lacking in society, today, the value of integrity. Integrity is not a skill that could be acquired overnight and it is not innate in every person. It would be futile to pay lip service to the word without consciousness how integrity underpins an action to be taken.

The Commission's next phase of action includes the planning and organizing of training programmes on aspects of integrity for the enforcement officers. This requires collaboration and co-operation with various Government Agencies. It should not be overlooked that motivational programmes may also be necessary.





SELAIN MENGADAKAN UNIT INTEGRITI DALAM MANA-MANA ORGANISASI, USAHA YANG SISTEMATIK DAN BERTERUSAN, PERLU DIPERTIMBANGKAN USAHA BAGI MENYEDARKAN PEKERJA TENTANG NILAI YANG HENDAK DILETAKKAN KE ATAS ASPEK INTEGRITI.

APART FROM ESTABLISHING INTEGRITY UNITS IN ANY ORGANIZATION, THERE SHOULD BE CONSIDERED A SYSTEMATIC AND CONTINUOUS EFFORT TO MAKE EMPLOYERS REALIZE THE VALUE THAT IS TO BE EMPLACED UPON INTEGRITY.

Perlu diadakan suatu pendekatan bagi tujuan meneliti faktor yang menjadi penyebab kemerosotan integriti di tempat kerja. Adakah pihak pengurusan atasan gagal dalam memberikan perhatian atau sumbangan bagi mewujudkan kesedaran tentang integriti atau terdapat kegagalan menyediakan amalan yang adil dan baik dalam sistem operasi? Selain mengadakan Unit Integriti dalam mana-mana organisasi, usaha yang sistematik dan berterusan, perlu dipertimbangkan usaha bagi menyedarkan pekerja tentang nilai yang hendak diletakkan ke atas aspek integriti. Mewujudkan semula integriti memerlukan kempen yang khusus. Keseragaman norma-norma yang diterima pakai dalam setiap agensi perlu dipertimbangkan.

Pada tahun 2014, Suruhanjaya berhasrat memulakan kajian bagi mengenal pasti sebab dan punca yang menyumbang kepada kegagalan kakitangan agensi penguatkuasaan mengekalkan integriti. Sudah nyata bahawa mungkin terdapat kekurangan penyeliaan atau kelemahan dalam prosedur operasi standard yang digunakan oleh jabatan.

There should be an avenue to consider the factors that are contributing towards the erosion of integrity in the work force. Has the top management failed in contributing towards awareness of integrity or has there been a failure in fair and good practises in the operational system. Apart from establishing Integrity Units in any organization, there should be considered a systematic and continuous effort to make employers realize the value that is to be emplaced upon integrity. The reinstatement of integrity requires a focussed campaign. There ought to be considered some uniformity in the norms to be applicable within each agency.

The Commission intends, in 2014, to embark on a study to identify the cause and sources contributing towards personnel in the enforcement agencies failing to adhere to integrity. It is apparent that there may be a lack of supervision or loopholes in the standard operation procedure adopted by departments.

Suruhanjaya perlu memulakan fasa kedua dengan melibatkan agensi penguatkuasaan untuk bersatu dan bekerjasama dalam memperkenalkan program yang bersesuaian seperti seminar, bengkel dan forum berterusan bagi menyemai nilai murni berhubung dengan integriti.

Walau bagaimanapun, manfaat penubuhan Suruhanjaya telah terbukti melalui permintaan berulang-ulang daripada orang awam supaya senarai agensi penguatkuasaan diperluaskan kepada agensi penguatkuasaan lain seperti Pejabat Tanah dan Kerajaan Tempatan atau Agensi Negeri. Suruhanjaya juga telah beberapa kali menjelaskan bahawa Akta 700 ialah Perundangan Persekutuan yang tidak mencakupi atau meliputi perkara yang berada dalam skop pentadbiran Kerajaan Negeri. Namun demikian, permintaan yang dibuat menunjukkan bahawa usaha yang diperlukan untuk mewujudkan integriti menjadi tanggungjawab bersama semua agensi penguatkuasaan sama ada yang berada di bawah bidang kuasa Persekutuan atau Negeri.

DATUK HELILIAH MOHD YUSOF

Pengerusi/*Chairman*

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan/
Enforcement Agency Integrity Commission

The Commissions has to embark on a second phase in engaging with the enforcement agencies, to organize and collaborate in introducing suitable programmes such as continuous seminars, workshops and forum to inculcate values pertaining to integrity.

However, the usefulness of establishing the Commission has also been proven by the recurrent requests from members of the public that the list of enforcement agencies should be extended to other enforcement agencies such as the Land Office and the Local Government or State Agencies. The Commission, on several occasions, has also explained that Act 700 is a Federal Legislation that does not extend to matters within the purview of the State Governments. The requests however indicate the need that the drive to establish integrity is equally incumbent upon all of enforcement agencies whether under Federal or State jurisdiction.

MANFAAT PENUBUHAN SURUHANJAYA TELAH TERBUKTI MELALUI PERMINTAAN BERULANG-ULANG DARIPADA ORANG AWAM SUPAYA SENARAI AGENSI PENGUATKUASAAN DIPERLUASKAN KEPADA AGENSI PENGUATKUASAAN LAIN SEPERTI PEJABAT TANAH DAN KERAJAAN TEMPATAN ATAU AGENSI NEGERI.

THE USEFULNESS OF ESTABLISHING THE COMMISSION HAS ALSO BEEN PROVEN BY THE RECURRENT REQUESTS FROM MEMBERS OF THE PUBLIC THAT THE LIST OF ENFORCEMENT AGENCIES SHOULD BE EXTENDED TO OTHER ENFORCEMENT AGENCIES SUCH AS THE LAND OFFICE AND THE LOCAL GOVERNMENT OR STATE AGENCIES.

MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE
INFORMATION



VISI VISION

Peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan Agensi Penguatkuasaan Malaysia berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.

Pioneer in enforcing, transforming and inculcating integrity amongst the Malaysian Enforcement Agencies based on professionalisme and best practices.

MISI MISSION

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti di kalangan Agensi Penguatkuasaan Malaysia melalui pengendalian aduan dan siasatan secara telus, berani, bertanggungjawab dan profesional.

Strengthening the service delivery system with integrity amongst the Malaysian Enforcement Agencies through the management of complaints and investigations in a transparent, bold, dutiful and professional manner.

MOTO MOTTO

Tegas, Telus, Efisien

Assertive, Transparent, Efficient



LOGO



Penerangan logo:

- a) 3 bentuk yang diolah daripada kuku harimau menunjukkan keberanian melindungi kepentingan orang ramai. Pertindihan antara 3 bentuk tersebut menunjukkan semangat saling membantu dalam memupuk integriti antara Suruhanjaya ini, orang ramai dan agensi-agensi penguatkuasaan;
- b) 3 warna iaitu merah, emas dan hitam adalah simbolik kepada Suruhanjaya ini;
- c) Warna merah melambangkan ketegasan dan keteguhan Suruhanjaya dalam memperkasakan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan;
- d) Warna emas melambangkan keseriusan Suruhanjaya ini memikul setiap fungsi yang diamanahkan kepadanya;
- e) Warna hitam melambangkan keberanian Suruhanjaya ini bertindak secara bertanggungjawab tanpa rasa takut atau memihak pada mana-mana pihak; dan
- f) 3 bucu tepat bertembung menunjukkan Suruhanjaya ini mengamalkan ketegasan, ketelusan dan efisien dalam melaksanakan tugasnya.

Explanations of the logo:

- a) *The tiger claw's figuration in the logo symbolise the Commission's intrepidity in protecting the public interest. These shapes which intersect each other reflect the co-operation amongst the Commission, the public at large and the enforcement agencies in inculcating integrity;*
- b) *The 3 colours which are red, gold and black symbolize the Commission;*
- c) *The red colour reflects the assertiveness and firmness of the Commission in forging integrity amongst the enforcement agencies;*
- d) *The gold colour reflects the Commission's seriousness in executing its function;*
- e) *The black colour reflects the Commission's boldness in acting dutifully without fear or favour; and*
- f) *The edge of the tiger claws that meet each other reflects the Commission's assertiveness, transparency and efficiency in carrying out its duties.*

FUNGSI SURUHANJAYA

FUNCTIONS OF THE COMMISSION

Fungsi Suruhanjaya yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] adalah:

- a) menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;
- b) merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguat kuasa;
- c) melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguat kuasa;
- d) mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;
- e) menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- f) membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa;
- g) mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan
- h) membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubung dengannya.

Seksyen 4(2) Akta 700 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya.

The functions of the Commission as provided under section 4(1) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700] are:

- a) *to receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or against an enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints;*
- b) *to formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct by an enforcement officer;*
- c) *to protect the interest of the public by preventing and dealing with the misconduct of an enforcement officer;*
- d) *to provide for the auditing and monitoring of particular aspects of the operations and procedures of an enforcement agency;*
- e) *to promote awareness of, enhancement of, and education in relation to, integrity within an enforcement agency and to reduce misconduct amongst enforcement officers;*
- f) *to assist the Government in formulating legislation, or to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency, in the promotion of integrity and the abolishment of misconduct amongst enforcement officers;*
- g) *to study and verify any infringement of enforcement procedures and to make any necessary recommendations relating thereto; and*
- h) *to make site visits to the premises of an enforcement agency, including visiting police stations and lockups in accordance with the procedures under any written law, and make any necessary recommendations relating thereto.*

It is also provided in section 4(2) of the Act that the Commission shall have power to do all things expedient or reasonably necessary for, or incidental to, the performance of its functions.

STRUKTUR ORGANISASI

ORGANISATIONAL STRUCTURE

Akta 700 memberi kuasa kepada Suruhanjaya ini untuk menubuhkan beberapa Bahagian bagi tujuan membantu pelaksanaan fungsi-fungsi yang telah diperuntukkan di dalam seksyen 4 Akta 700.

Bahagian-bahagian yang telah ditubuhkan ialah:

- a) Bahagian Operasi;
- b) Bahagian Undang-Undang dan Komunikasi Korporat;
- c) Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi;
- d) Bahagian Khidmat Pengurusan; dan
- e) Bahagian Keselamatan dan Urus Setia.

Carta Organisasi Suruhanjaya adalah seperti di "LAMPIRAN 1"

The Act 700 empowers the Commission to set up several Divisions to facilitate the execution of its functions as enumerated under section 4 of the Act.

The Divisions that have been established are:

- a) Operations Division;
- b) Legal and Corporate Communication Division;
- c) Policy, Research and Innovation Division;
- d) Management Division; and
- e) Security and Secretariat Division.

The Commission's Organisation Chart is as per "ANNEXURE 1"

FUNGSI BAHAGIAN

FUNCTIONS OF THE DIVISIONS

OPERASI

OPERATIONS

Seksyen Aduan

Complaints Section

- Menerima, menilai dan mengkaji aduan salah laku di bawah seksyen 23 Akta 700
Receive, assess and evaluate complaints of misconduct under section 23 of the Act
- Menyediakan laporan dan syor dapatan Jawatankuasa Aduan di bawah seksyen 26 untuk tindakan Suruhanjaya di bawah seksyen 27 Akta 700
Prepare reports and recommendations on the findings of the Complaints Committee under section 26 for action by the Commission under section 27 of Act 700
- Memantau pematuhan dan maklum balas agensi penguatkuasaan di bawah seksyen 27 Akta 700
Monitor compliance and feedback of the enforcement agency under section 27 of Act 700

Seksyen Siasatan

Investigations Section

- Menjalankan siasatan penuh dengan kuasa di bawah Bahagian V Akta 700 dan Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593]
Conduct full investigations as empowered under Part V of the Act 700 and the Criminal Procedure Code [Act 593]
- Menjalankan aktiviti pencegahan dengan salah satu caranya mengadakan seminar kesedaran
Conduct preventive activities such as holding awareness seminars
- Merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku
Formulate and put in place a mechanism for the detection, investigation and prevention of misconduct

UNDANG-UNDANG DAN KOMUNIKASI KORPORAT

LEGAL AND CORPORATE COMMUNICATION

Unit Undang-undang

Legal Unit

- Memberi nasihat perundangan kepada Suruhanjaya dan mewakili Suruhanjaya dalam prosiding Mahkamah, jika ada
Provide legal advice to the Commission and represent the Commission in Court proceedings, if any
- Mencadangkan penggubalan dan pindaan undang-undang, jika perlu
Recommend drafting and amendment of legislations, if required
- Membantu Suruhanjaya dalam pendengaran seperti diperuntukkan dalam seksyen 34(4) Akta 700
Assist the Commission in hearings as provided under section 34(4) of the Act

Unit Komunikasi Korporat

Corporate Communication Unit

- Menyalur maklumat rasmi mengenai Suruhanjaya
Provide official information of the Commission
- Mengadakan kempen publisiti dan menjalankan tugas perhubungan dengan pihak luar
Conduct publicity campaigns and carry out liaisons with other agencies
- Mengesan, mengumpul dan menterjemah berita dan isu penting yang disiarkan
Trace, collate and translate news and key issues published

KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT

Seksyen Pentadbiran

Administration Section

- Mengurus pelantikan, perkhidmatan, kompetensi serta kebajikan pegawai dan kakitangan
Manage the appointments, services, competency as well as welfare of officers and staff
- Melaksanakan perolehan aset dan inventori serta pentadbirannya
Execute procurement of asset and inventory as well as its management
- Menyelenggara ruang pejabat
Maintenance of office space

Seksyen Kewangan

Finance Section

- Mengurus pembayaran gaji serta emolumen pegawai dan kakitangan
Manage the payment of salaries as well as emoluments of officers and staff
- Mengurus segala pembayaran dan penyelenggaraan akaun Suruhanjaya
Manage all payments and maintain the accounts of the Commission
- Melaksanakan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta penyediaan laporannya
Execute operational and development expenditures as well as preparation of its reports thereof

Seksyen Teknologi Maklumat

Information Technology Section

- Mengurus pentadbiran pangkalan data dan kemudahan "Disaster Recovery Centre"
Manage database administration and Disaster Recovery Centre facilities
- Memantau kemudahan bilik pelayar seperti penghawa dingin, kad akses dan sistem anti-kebakaran
Monitor the server room facilities such as air conditioning, access cards and anti-fire system
- Menyelenggara Laman Web Rasmi serta peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di pejabat
Maintain the Official Website as well as information and communication technology (ICT) equipment in the office

DASAR, PENYELIDIKAN DAN INOVASI POLICY, RESEARCH AND INNOVATION

- Merancang dan menyelaraskan penggubalan dasar dalam pelaksanaan fungsi Suruhanjaya
Plan and coordinate the formulation of policies in the execution of the Commission's functions
- Menjalankan penyelidikan dan menyediakan rumusan serta dapatan kepada Suruhanjaya
Conduct research and prepare the outcomes and findings to the Commission
- Merancang dan menyelaraskan program inovasi
Plan and coordinate innovative programmes

KESELAMATAN DAN URUS SETIA SECURITY AND SECRETARIAT

- Urus setia kepada Mesyuarat Suruhanjaya yang diadakan di bawah seksyen 9 dan pendengaran di bawah seksyen 34 Akta 700
Serve as Secretariat to the Commission Meetings convened under section 9 and hearings conducted under section 34 of Act 700
- Menjaga keselamatan pejabat, dokumen terperingkat, pegawai dan kakitangan serta bilik kebal
Maintain the safety and security of the office, classified documents, officers and staff as well as the strong room
- Menjalankan pemantauan keselamatan pejabat selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa
Conduct office safety monitoring in accordance with the rules in force





SURUHANJAYA
THE COMMISSION

SURUHANJAYA INTEGRITI

**Pengerusi/Chairman**

1 Datuk Heliliah Mohd Yusof

Pesuruhjaya/Commissioners

2 Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan

3 Dato' Sri Robert Jacob Ridu

4 Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin

5 Vinayak Prabhakar Pradhan

6 Dato' Salehuddin Saidin



SURUHANJAYA

THE COMMISSION

Penubuhan dan fungsi Suruhanjaya diperuntukkan di dalam Bahagian II Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Pada 1 April 2011, Yang di-Pertuan Agong telah melantik tujuh (7) orang Pesuruhjaya menurut seksyen 5(1) Akta 700. Keanggotaan Suruhanjaya yang telah dilantik terdiri seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi serta lima (5) orang Pesuruhjaya.

KEANGGOTAAN

- a) Datuk Heliliah Mohd Yusof – Pengerusi
- b) Datuk Paul Low Seng Kuan - Timbalan Pengerusi (sehingga 16 Mei 2013)
- c) Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan – Pesuruhjaya
- d) Dato' Sri Robert Jacob Ridu – Pesuruhjaya
- e) Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin – Pesuruhjaya
- f) Vinayak Prabhakar Pradhan – Pesuruhjaya
- g) Dato' Salehuddin Saidin – Pesuruhjaya

Tujuh (7) orang Pesuruhjaya ini dilantik untuk tempoh selama tiga (3) tahun selaras dengan seksyen 7(1) Akta 700. Pada 16 Mei 2013, Timbalan Pengerusi Suruhanjaya ini, Datuk Paul Low Seng Kuan, telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Selaras dengan pelantikan tersebut, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan permohonan peletakan jawatan oleh Datuk Paul Low Seng Kuan di bawah seksyen 7(3) Akta 700 sebagai Timbalan Pengerusi Suruhanjaya ini. Kini, Suruhanjaya ini dianggotai oleh enam (6) orang Pesuruhjaya.

The establishment and functions of the Commission are provided for in Part II of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700]. On 1 April 2011, the Yang di-Pertuan Agong appointed seven (7) Commissioners pursuant to section 5(1) of the Act 700. Constitution of the Commission appointed consists of a Chairman and a Deputy Chairman and five (5) Commissioners.

CONSTITUTION

- a) *Datuk Heliliah Mohd Yusof – Chairman*
- b) *Datuk Paul Low Seng Kuan - Deputy Chairman (until 16 May 2013)*
- c) *Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan – Commissioner*
- d) *Dato' Sri Robert Jacob Ridu – Commissioner*
- e) *Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin – Commissioner*
- f) *Vinayak Prabhakar Pradhan – Commissioner*
- g) *Dato' Salehuddin Saidin – Commissioner*

These seven (7) Commissioners are appointed for a term of three (3) years in accordance with section 7(1) of the Act. On 16 May 2013, the Deputy Chairman of the Commission, Datuk Paul Low Seng Kuan, was appointed as a Minister in the Prime Minister's Department. In the wake of the appointment, the Yang di-Pertuan Agong accepted the application for resignation by Datuk Paul Low Seng Kuan as the Deputy Chairman of the Commission under section 7(3) of the Act. Currently, the Commission is constituted of six (6) Commissioners.

PELAKSANAAN FUNGSI

EXECUTION OF FUNCTIONS

Siri Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan selaras dengan seksyen 9 Akta 700 demi melaksanakan fungsinya. Sehingga laporan ini ditulis, Mesyuarat Suruhanjaya dijadualkan secara bulanan iaitu sekali dalam sebulan. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Suruhanjaya secara *ad hoc* diadakan dari semasa ke semasa sekiranya ada isu-isu berbangkit yang perlu dibincangkan dan diputuskan oleh Suruhanjaya.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengerusi Suruhanjaya menurut seksyen 9(2) Akta 700 dan kuorum mesyuarat ialah empat (4) orang seperti diperuntukkan oleh seksyen 9(3) Akta 700. Urus setia kepada Mesyuarat Suruhanjaya ini ialah Bahagian Keselamatan dan Urus Setia.

Sebanyak 13 Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sepanjang tahun 2013 bertujuan untuk melaksanakan fungsi Suruhanjaya. Pelbagai perkara telah dibincangkan, dipertimbangkan dan diputuskan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya, antaranya:

- a) Pelantikan Setiausaha di bawah seksyen 13 dan pegawai serta kakitangan di bawah seksyen 14 Akta 700 termasuk lantikan secara peminjaman;
- b) Pentadbiran termasuk pengurusan dan pembangunan sumber manusia serta kewangan;
- c) Kerjasama rasmi dengan agensi-agensi luar terutamanya agensi penguatkuasaan di bawah seliaan Suruhanjaya;
- d) Laporan hasil siasatan awal daripada Jawatankuasa Aduan di bawah seksyen 26 dan membuat keputusan di bawah seksyen 27 Akta 700;

The Commission Meetings were convened in accordance with section 9 of Act 700 for the execution of its functions. As at the time of this report, the Commission Meetings are scheduled on a monthly basis, i.e. once a month. However, ad hoc Commission Meetings are held from time to time in the event there are issues that need to be discussed and decided on by the Commission.

The meetings are presided over by the Chairman of the Commission pursuant to section 9(2) of Act 700 and the quorum of a meeting shall be four (4) as provided by section 9(3) of Act 700. The Security and Secretariat Division operates as the meeting secretariat.

A total of 13 meetings were held by the Commission in 2013 in the course of the execution of its functions. Various matters were discussed, considered and decided in the Commission meetings, among others:

- a) *Appointment of Secretary under section 13 and the officers as well as staff under section 14 of the Act, including appointments on secondment basis;*
- b) *Administrative matters including management and development of human resource as well as financial matters;*
- c) *Formal collaboration with other agencies, particularly law enforcement agencies under the purview of the Commission;*
- d) *Report on the preliminary findings of the Complaints Committee under section 26 and its decisions under section 27 of the Act;*



- e) Laporan hasil siasatan penuh oleh Pasukan Petugas dan membuat keputusan di bawah seksyen 30 Akta 700;
- f) Pengurusan komunikasi korporat;
- g) Hala tuju Suruhanjaya; dan
- h) Isu-isu berbangkit dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, Suruhanjaya telah mengadakan dua (2) kali Mesyuarat Khas untuk membincangkan isu-isu yang memerlukan perhatian dan keputusan segera, iaitu:

- a. Pelantikan Pegawai Penyiasat bagi menyelesaikan kertas-kertas siasatan yang tertunggak; dan
- b. Penyiasatan atas inisiatif Suruhanjaya menurut seksyen 28 Akta 700 ke atas kematian tahanan di dalam lokap polis yang melibatkan N. Dharmendran dan R. James Ramesh.

Senarai kehadiran anggota Suruhanjaya di dalam Mesyuarat Suruhanjaya pada tahun 2013 adalah seperti di "LAMPIRAN 2".

- e) *Report on the outcomes of the full investigations by the Task Force and its decisions under section 30 of the Act;*
- f) *Corporate communication management;*
- g) *The Commission's way forward; and*
- h) *Issues arising from time to time.*

Apart from the above, the Commission held two (2) Special Meetings to discuss issues of great concern that required an immediate decision:

- a. *The appointment of Investigation Officers to clear the backlog of investigation papers; and*
- b. *Investigations commenced by the Commission pursuant to section 28 of the Act on deaths in police lock-up of N. Dharmendran and R. James Ramesh.*

The attendance list of Commissioners at the Commission Meetings in 2013 is as per "ANNEXURE 2".

AKTIVITI ACTIVITIES



LAWATAN KERJASAMA

Lawatan kerjasama disasarkan kepada agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaan Suruhanjaya agar kedua-dua pihak mengetahui fungsi dan peranan masing-masing dengan lebih mendalam. Lawatan yang telah diadakan pada tahun ini adalah ke Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) pada 28 Mac di Cheras, Kuala Lumpur dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) pada 12 Disember di Kota Kinabalu, Sabah.

SESI “BRAINSTORMING” DAN LAWATAN KERJASAMA ANTARABANGSA KE AUSTRALIAN COMMISSION FOR LAW ENFORCEMENT INTEGRITY (ACLEI) DAN POLICE INTEGRITY COMMISSION (PIC), AUSTRALIA

Suruhanjaya ini merupakan sebuah agensi perintis di Negara ini. Fungsi dan mandat Suruhanjaya ini adalah berbeza daripada agensi-agensi lain termasuklah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Biro Pengaduan Awam (BPA) dari segi fungsi, sejarah dan struktur penubuhan serta bidang kuasa. Suruhanjaya ini ditubuhkan berasaskan model agensi di United Kingdom dan Australia seperti dibahaskan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, semasa Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-Undang Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 di Parlimen.

COLLABORATION VISITS

Collaboration visits are focused on enforcement agencies under the purview of the Commission so that both parties may understand in detail their respective functions and roles. The visits made this year were to the Department of Wildlife and National Parks on 28 March at Cheras, Kuala Lumpur and the Commercial Vehicle Licensing Board (CVLB) on 12 December in Kota Kinabalu, Sabah.

BRAINSTORMING SESSION AND INTERNATIONAL COLLABORATION VISIT TO THE AUSTRALIAN COMMISSION FOR LAW ENFORCEMENT INTEGRITY (ACLEI) AND THE POLICE INTEGRITY COMMISSION (PIC) OF AUSTRALIA

The Commission is a pioneer agency in this country. Its functions and mandate differ from other agencies including the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) and the Public Complaints Bureau (PCB) in terms of its functions, history, constitution and jurisdiction. The Commission was established based on the agencies in United Kingdom and Australia as pointed out by Datuk Liew Vui Keong, Deputy Minister in the Prime Minister’s Department, at the Second and Third Readings of the Enforcement Agency Integrity Commission Bill 2009 in Parliament.

Dalam usia muda ini, Suruhanjaya ini masih memerlukan banyak rujukan dalam melaksanakan fungsi dan peranannya dengan lebih efisien di samping memperhalusi hala tuju serta perancangan strategik. Atas dasar inilah, satu Sesi Brainstorming dan Lawatan Kerjasama Antarabangsa ke *Australian Commission For Law Enforcement Integrity (ACLEI)* dan *Police Integrity Commission (PIC)*, Australia telah diadakan pada 3 dan 5 Jun 2013.

Kedua-dua Suruhanjaya yang telah dilawati adalah ACLEI yang berpusat di Canberra dan PIC yang terletak di Sydney, Australia. Lawatan ini diketuai oleh Pengerusi Suruhanjaya, Datuk Heliliah Mohd Yusof, dan dihadiri oleh Penasihat Undang-undang Suruhanjaya. Lawatan ini bertujuan untuk:

- i. mendapatkan garis panduan yang lebih efisien dalam menguruskan aduan salah laku;
- ii. membantu Suruhanjaya ini dalam merancang hala tuju dan pelan strategik bagi mencapai sasaran jangka panjang Suruhanjaya;
- iii. mengenal pasti masalah atau isu-isu yang bakal dihadapi oleh Suruhanjaya dan penyelesaiannya berdasarkan pengalaman Suruhanjaya ini; dan
- iv. mengenal pasti cara yang lebih baik dalam melaksanakan fungsi dan tugas Suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 700.

Terdapat beberapa faktor kedua-dua ACLEI dan PIC dipilih untuk mengadakan sesi lawatan ini, antaranya adalah:

- i. ia telah lama wujud dan beroperasi di Australia di mana:
 - a) ACLEI telah beroperasi semenjak 2006; dan
 - b) PIC telah beroperasi semenjak 1996.
- ii. ia telah mewujudkan suatu rangka kerja yang mantap dalam pelaksanaan tugas dan fungsinya;
- iii. ia mempunyai banyak persamaan dengan Suruhanjaya ini antaranya termasuklah:
 - a) merupakan badan yang ditubuhkan di bawah Akta Perundangan (di mana ACLEI ditubuhkan di bawah Law Enforcement Integrity Commission Act 2006 dan PIC ditubuhkan di bawah Police Integrity Commission Act 1996) dan menjalankan fungsi serta tanggungjawab di bawah Akta masing-masing;

At this infant stage, the Commission needs a lot of reference for the efficient implementation of its functions and role; at the same time it needs to fine-tune its way forward and strategic planning. On this basis, the Brainstorming Session and International Collaboration Visit to the Australian Commission for Law Enforcement Integrity (ACLEI) and the Police Integrity Commission (PIC) of Australia was held on 3 and 5 June 2013.

The two Commissions visited were the ACLEI which is located in Canberra and the PIC in Sydney, Australia. The visit was led by the Chairman of the Commission, Datuk Heliliah Mohd Yusof, and the Commission's Legal Advisor. The objectives of the visit are to:

- i. obtain more efficient guidelines in dealing with complaints of misconduct;*
- ii. assist the Commission in planning its way forward and strategic planning to achieve its long-term goals;*
- iii. identify potential obstacles or issues that may be encountered by the Commission and the solutions based on the experience of these two Commissions; and*
- iv. identify better methods in carrying out the functions and roles of the Commission as provided under the Act.*

There were, inter alia, a number of factors ACLEI and PIC were selected for the visit:

- i. they have been established and are in operation for a long time in Australia, namely:

 - a) ACLEI has been in operation since 2006; and*
 - b) PIC has been in operation since 1996.**
- ii. they have developed a solid framework in the performance of their duties and functions;*
- iii. they have, inter alia, various similarities with the Commission, among others:

 - a) they are institutions established under statute (ACLEI was established under the Law Enforcement Integrity Commission Act 2006 while PIC was set up under the Police Integrity Commission Act 1996) and carry out their functions and roles under the respective Act;**

- b) mempunyai fungsi untuk menerima aduan (termasuklah aduan rasuah, aduan terhadap tindakan dan keputusan agensi Kerajaan yang dikatakan salah, tidak adil, menyalahi undang-undang atau bersifat diskriminasi) daripada orang ramai dan menjalankan siasatan;
- c) mempunyai kuasa untuk merujuk keputusan siasatan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan tatatertib atau pendakwaan di mahkamah; dan
- d) mempunyai kuasa untuk mengeluarkan garis panduan dan pengesyoran kepada agensi penguatkuasaan.

Hampir kesemua fungsi Suruhanjaya-suruhanjaya ini juga tersenarai di dalam seksyen 4(1) Akta 700 sebagai fungsi-fungsi Suruhanjaya ini. Oleh itu, kedua-dua Suruhanjaya ini boleh dijadikan sumber rujukan kepada Suruhanjaya ini dalam menjalankan fungsi-fungsinya. Selain daripada itu, lawatan ini juga telah memberi pendedahan kepada Suruhanjaya berkenaan fungsi, struktur organisasi dan amalan terbaik Suruhanjaya-suruhanjaya tersebut. Dalam perancangan jangka panjang, program-program perkongsian ilmu dan pengalaman secara berterusan bersama Suruhanjaya-suruhanjaya tersebut akan dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, lawatan ini telah membuka ruang kerjasama antara Suruhanjaya dengan agensi-agensi di luar Negara. Suruhanjaya ini berharap agar jalinan kerjasama antara ketiga-tiga Suruhanjaya ini dapat diertakan khususnya bagi membantu Suruhanjaya dalam mencapai visi dan misinya untuk meningkatkan tahap integriti agensi-agensi penguatkuasaan serta pegawai-pegawai penguat kuasa di Malaysia.

- b) *their functions are to receive complaints (including complaints of corruption, acts and decisions by government agencies allegedly to be wrongful, unfair, unlawful or discriminatory) from the public and carry out investigations;*
- c) *they are empowered to refer the outcomes of the investigations to the relevant authorities for disciplinary action or prosecution in court; and*
- d) *they are empowered to issue guidelines and recommendations to the enforcement agencies.*

Most of the functions of both these Commissions are synonymous with the functions of the Commission as provided under section 4(1) of Act 700. Hence, both these Commissions can be the sources of reference for the Commission in the performance of its functions. Apart from this, the visit has also provided an insight to the Commission on the functions, organisational structure and best practices of these Commissions. In long-term plan, continuous knowledge and experience sharing programme will be held with these Commissions.

As a whole, the visit has opened up room for collaboration between the Commission and the agencies abroad. The Commission hopes that the collaboration between these Commissions can be further strengthened particularly to assist the Commission in achieving its vision and mission to enhance the integrity of the enforcement agencies and their officers in Malaysia.





SESI DIALOG

Sejajar dengan matlamat untuk menggalakkan kesedaran dan membuat penambahbaikan berkenaan integriti di dalam agensi penguatkuasaan, Suruhanjaya telah mempraktikkan amalan “turun padang” dengan menganjurkan beberapa sesi dialog bersama pegawai penguat kuasa daripada agensi-agensi di bawah seliaannya, Badan-badan Bukan Kerajaan dan juga orang ramai di beberapa buah negeri.

(i) Dialog Khas bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Pulau Pinang

Suruhanjaya telah mengadakan sesi dialog khas bersama anggota-anggota PDRM Kontinjen Pulau Pinang pada 27 Februari 2013 bertempat di Mes Pegawai Kanan PDRM, Georgetown, Pulau Pinang. Sesi dialog tersebut telah dihadiri oleh 90 orang pegawai kanan PDRM Pulau Pinang. Ia merupakan susulan daripada Sesi Dialog Suruhanjaya bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan seliaan Suruhanjaya di Pulau Pinang pada tahun lepas iaitu 16 Febuari 2012, di mana Suruhanjaya telah menerima cadangan dari pihak PDRM untuk mengadakan satu sesi khas bersama anggota-anggotanya di negeri itu bagi membincangkan aduan-aduan yang diterima oleh Suruhanjaya berkaitan salah laku PDRM.

Dalam sesi dialog dan soal jawab yang dijalankan, Suruhanjaya telah mengutarakan aduan yang paling banyak daripada orang awam adalah mengenai kelewatan proses siasatan PDRM.

DIALOGUE SESSIONS

In line with its aim to promote awareness and enhance integrity of the enforcement agencies, the Commission reaches out by organising dialogue sessions with enforcement officers from agencies under its supervision, Non-Government Organisations and the public in several states.

(i) Special Dialogue with the Penang Contingent of the Royal Malaysia Police (RMP)

The Commission held a special dialogue session with the police personnel of Penang Contingent on 27 February 2013 at the Senior Police Officers' Mess in Georgetown, Penang. The dialogue was attended by 90 senior police officers from the Penang RMP. It was a follow-up of the Commission's Dialogue Session held in Penang last year on 16 February 2012 with Enforcement Agencies under its purview, whereby the Commission received a proposal from the RMP to have a special session with police personnel from the state to discuss complaints relating to RMP misconduct received by the Commission.

In dialogue as well as the question and answer session, the Commission pointed out that most of the complaints received from the public were relating to delay in RMP investigations.



Sehubungan ini, maklum balas yang diberikan adalah ianya berpunca daripada pegawai polis yang tidak mempunyai pengalaman dan kurang pengetahuan seterusnya menyukarkan kerja-kerja siasatan. Menurut Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Dato' Abdul Rahim Jaafar beberapa langkah penambahbaikan telahpun dilaksanakan secara berperingkat bagi mengatasi masalah tersebut iaitu:

- i. pengisian anggota yang lebih cekap dan berpengalaman untuk menyiapkan kerja-kerja siasatan; dan
- ii. penambahbaikan sistem-sistem yang sedia ada seperti Perintah Tetap Ketua Polis Negara dan *Standard Operating Procedure* (SOP) penyiasatan.

Merujuk kepada aduan yang diterima oleh Suruhanjaya berkenaan kelewatan proses siasatan jenayah komersial, PDRM memberi penjelasan bahawa kelewatan menyiapkan siasatan jenayah komersial adalah kerana kes-kes terbabit adalah rumit dan sukar serta memerlukan laporan dan maklum balas daripada jabatan lain.

(ii) Dialog Bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan Seliaan Suruhanjaya

a. Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu, Pahang)

Sesi dialog Suruhanjaya bersama Agensi-agensi Penguatkuasaan di Zon Pantai Timur telah dijalankan pada 26 September 2013 di Kuantan, Pahang. Sesi ini telah dihadiri seramai 120 orang pegawai dari bahagian penguatkuasaan dan undang-undang daripada Agensi-agensi Penguatkuasaan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

In this regard, the feedback given was that it was caused by police officers who complicated investigations due to lack of experience and knowledge. According to Dato' Abdul Rahim Jaafar, Penang Deputy Police Chief, several measures have been implemented in stages to overcome this problem, such as:

- i. emplacement of more efficient and experienced personnel to carry out the investigations; and*
- ii. improvement of the existing systems such as the Inspector-General of Police's Standing Orders and the Standard Operating Procedure (SOP) relating to investigation.*

As to complaints received by the Commission on delays in the investigation of commercial crimes, the explanation by the RMP was that those cases in question were complicated as well as difficult and that reports and feedback from other departments were required.

(ii) Dialogues with Enforcement Agencies under the Commission's Purview

a. East Coast Zone (Kelantan, Terengganu, Pahang)

A dialogue session with the Enforcement Agencies in the East Coast Zone was held on 26 September 2013 in Kuantan, Pahang. The session was attended by 120 officers from the enforcement and legal divisions of the Enforcement Agencies in Pahang, Terengganu and Kelantan.

b. Zon Sabah

Sesi Dialog Suruhanjaya bersama Agensi Penguatkuasaan Zon Negeri Sabah telah diadakan di Kota Kinabalu pada 11 Disember 2013. Sesi dialog ini telah dihadiri oleh 81 orang pegawai dan kakitangan daripada Agensi-agensi Penguatkuasaan mewakili beberapa daerah di negeri Sabah seperti Sandakan, Tawau dan Kota Kinabalu.

Taklimat operasi bagi kedua-dua sesi dialog ini telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Operasi, Tuan Ahmad Razif Mohd Sidek. Selain dari penerangan yang khusus berkenaan proses pengurusan aduan dan siasatan oleh Suruhanjaya, taklimat tersebut turut membincangkan contoh-contoh salah laku dan statistik aduan mengikut negeri yang diadakan oleh orang awam kepada Suruhanjaya. Di samping itu, melalui sesi ini juga Suruhanjaya turut berkongsi pengalaman mengenai cabaran-cabaran dihadapi oleh Suruhanjaya seperti tanggapan negatif agensi penguatkuasaan, kurang keyakinan orang awam, pengadu bermasalah dan surat layang.

Dalam menjawab pertanyaan dan memberikan maklum balas kepada peserta di dalam kedua-dua sesi ini, Pengerusi Suruhanjaya, Datuk Heliliah Mohd Yusof, telah menekankan isu-isu berikut:

b. Sabah Zone

A dialogue session between the Commission and Enforcement Agencies from the Sabah Zone was held at Kota Kinabalu on 11 December 2013. It was attended by 81 officers and staff from Enforcement Agencies from several districts in the state such as Sandakan, Tawau and Kota Kinabalu.

Operations briefing for both these dialogue sessions was delivered by the Director of Operations Division, Mr. Ahmad Razif Mohd Sidek. The briefing consisted of some specific information relating to complaints management and investigations process carried out by the Commission. It also touched on examples of misconduct and statistics on complaint made by the public to the Commission according to state. Through the session, the Commission also shared its experience on the challenges faced such as negative impression of enforcement agencies, lack of public confidence, problematic complainants and anonymous letters.

While answering questions and providing feedback to the participants at these two sessions, the Commission's Chairman, Datuk Heliliah Mohd Yusof, emphasised the following issues:



- i. Dalam membentuk pembangunan insan yang berintegriti, ianya hendaklah bermula daripada institusi keluarga di mana ibu bapa perlu menitikberatkan didikan yang berdisiplin. Selain itu, program-program membina masyarakat yang berintegriti juga adalah penting dan wajar dipergiatkan.
- ii. Kekurangan nilai integriti dalam segolongan penguat kuasa menyebabkan undang-undang yang sedia ada tidak dipatuhi dalam menjalankan tugas harian mereka. Ini menyebabkan timbulnya persepsi negatif masyarakat dan justeru tidak menghormati tugas dan peranan penguat kuasa terutamanya anggota polis. Oleh yang demikian, adalah disyorkan agar ketua-ketua jabatan/agensi mempraktikkan prinsip "back to basic" dengan memberikan latihan dan pembelajaran kepada penguat kuasa. Selain daripada itu, pemimpin juga hendaklah menunjukkan teladan yang baik.
- iii. Nilai-nilai integriti bukan sahaja perlu ditanam di dalam penguat kuasa tetapi masyarakat secara keseluruhannya juga seharusnya mempunyai integriti yang tinggi. Masyarakat hendaklah tidak mencari jalan yang mudah dan tidak sah untuk mengelakkan sebarang tindakan undang-undang. Antara contoh yang dinyatakan adalah setelah sesuatu operasi penangkapan dijalankan, adalah menjadi kebiasaan bagi orang yang ditangkap untuk menghubungi pegawai berkenaan untuk jalan penyelesaian secara mudah.

Maklum Balas Peserta Sesi Dialog

Berdasarkan kedua-dua sesi dialog yang telah dianjurkan di Zon Pantai Timur dan negeri Sabah, Suruhanjaya telah menerima beberapa maklum balas, pandangan dan syor-syor penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh peserta-peserta yang hadir.

Dari segi kefahaman berkenaan konsep integriti, kesemua peserta memahami dengan jelas konsep integriti dan bersetuju bahawa ianya adalah sebuah nilai yang wajar dijadikan teras dan amalan dalam bidang tugas terutama di dalam bidang penguatkuasaan serta amalan kehidupan. Dari segi pengetahuan berkenaan Suruhanjaya, 60% dari keseluruhan peserta yang hadir telahpun mengetahui latar belakang, peranan / fungsi serta bidang kuasa Suruhanjaya manakala 40% tidak mengetahui apa-apa informasi berkenaan Suruhanjaya.

- i. *Instilling integrity in the individual must start at home where the parents should focus on disciplined upbringing. Apart from that, programmes designed to shape a community with integrity are also important and should be promoted.*
- ii. *The lack of integrity value in certain enforcement personnel has caused the failure to observe existing laws in the performance of their daily duties. This gives rise to a negative public perception thus resulting in disrespect towards the duties and responsibilities of enforcement officers in particular the police. Hence, it is recommended that the heads of departments/agencies put into practice 'back to basic' principles by providing training and education to enforcement officers. Apart from this, leaders should also set a good example.*
- iii. *Integrity value must not only be instilled in enforcement officers but society as a whole must also have a high level of integrity. The public must not look for an unlawful and easy way out in order to escape legal action. Among the examples cited is where an arrest operation is carried out, it is common for those arrested to contact the officer concerned for an easy settlement.*

Feedback from Participants of Dialogue Sessions

At these two dialogue sessions held in the East Coast Zone and Sabah, the Commission received feedback, views and suggestions for improvement from the participants.

As regards to the concept of integrity, all the participants have a clear understanding of it and agreed that it should be a core value that must be practised especially in enforcement as well as daily living. As regards awareness of the Commission, 60% of the participants were familiar with its background, roles / functions and jurisdiction while 40% had no knowledge about the Commission.



Oleh itu, dalam usaha ke arah untuk berfungsi dengan lebih efektif serta memperkasakan konsep dan nilai integriti di kalangan agensi-agensi penguatkuasaan seliaannya, majoriti peserta telah mengesyorkan supaya Suruhanjaya menganjurkan program-program berikut pada masa akan datang:

- i. Program turun padang dalam menerangkan fungsi, peranan, bidang kuasa dan matlamat Suruhanjaya kepada pegawai agensi-agensi Kerajaan, bukan Kerajaan dengan lebih kerap;
- ii. Program bertemu masyarakat / orang awam seperti *road show*, pameran dan Hari Bertemu Pelanggan bagi memberikan kesedaran terhadap kewujudan Suruhanjaya;
- iii. Lawatan / Audit berkala ke agensi-agensi penguatkuasaan di setiap negeri bagi mendapatkan maklumat-maklumat untuk menambahbaik tugas dan operasi Suruhanjaya;
- iv. Bengkel, seminar, perbincangan meja bulat dan kursus amalan integriti kepada pegawai penguatkuasa terutama di peringkat awal contohnya melalui kursus-kursus induksi; dan
- v. Mengadakan satu mekanisme yang berkesan bagi mempromosikan Suruhanjaya iaitu dengan mempelbagaikan hebahan dan promosi berkenaan talian aduan melalui media massa (televisyen dan radio) dan media elektronik.

Therefore, in order to execute its function more efficiently and to enhance the concept as well as value of integrity among enforcement agencies under its purview, majority of the participants suggested that the Commission organise the following programmes in future:

- i. More frequent outreach programmes that explain to officers in Government agencies and Non-Governmental Organisations the functions, roles, jurisdiction and objectives of the Commission;*
- ii. 'Meet the people' programmes such as road show, exhibition and 'Meet the Client' day to create an awareness of the Commission's existence;*
- iii. Visits to / Periodic auditing of enforcement agencies in each state to obtain information that would help to improve the work and operations of the Commission;*
- iv. Workshops, seminars, roundtable discussions and courses on the practices of integrity to enforcement officers, especially at the initial stage for example induction courses; and*
- v. Provide for an effective mechanism to promote the Commission, i.e. through the diversification of publicity and the promotion of its complaints hotline through the mass media (television and radio) and the electronic media.*



Syor dan Cadangan Lain

Selain dari syor-syor berkenaan aktiviti dan program yang boleh dianjurkan oleh Suruhanjaya, peserta dari kedua-dua sesi dialog turut memberikan syor-syor penambahbaikan yang berikut:

i. Penubuhan Cawangan Suruhanjaya di setiap negeri

Adalah disyorkan supaya Suruhanjaya menubuhkan cawangan di setiap negeri bagi mendekatkan dan melancarkan proses pengurusan aduan.

ii. Penambahan Agensi Seliaan

Peserta turut mengesyorkan selain dari 21 agensi penguatkuasaan yang diletakkan di bawah seliaannya, Suruhanjaya juga perlu diberikan mandat untuk membuat pemerhatian terhadap kes-kes salah laku dan pemerkasaan integriti di kalangan agensi-agensi penguatkuasaan berikut:

- Tentera Laut Diraja Malaysia
- Pejabat Tanah dan Galian
- Majlis-Majlis Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- Jabatan Perhutanan
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- PUSPAKOM
- Jabatan Kerja Raya
- Jabatan Kehakiman
- Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

Other Suggestions and Recommendations

Apart from suggestions on the programmes and activities that could be organised by the Commission, the participants at both the dialogue sessions also made the following recommendations for improvement:

i. Establish the Commission's Branch in Each State

It was suggested that the Commission to set up its branch in each state for better and smoother complaints management process.

ii. Increase the Number of Agencies under the Commission's Purview

The participants also suggested that apart from the 21 enforcement agencies under its purview, it is necessary for the Commission be given the mandate to observe cases of misconduct and enhance integrity among the following enforcement agencies:

- *The Royal Malaysian Navy*
- *Land and Mines Office*
- *District Councils and Local Authorities*
- *Land Public Transport Commission*
- *Department of Irrigation & Drainage*
- *Malaysia Anti-Corruption Commission*
- *Forestry Department*
- *Department of Islamic Development Malaysia*
- *PUSPAKOM*
- *Public Works Department*
- *Judiciary Department*
- *Malaysia Civil Defence Department*



iii. Peruntukan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat

Peserta turut mengesyorkan agar perlindungan diberikan kepada staf bawahan agensi penguatkuasaan yang membuat aduan kepada Suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

iv. Pemantauan Unit Integriti di Agensi Penguatkuasaan

Suruhanjaya disyorkan supaya membuat pemantauan terhadap Unit-unit Integriti yang telah diwujudkan di setiap agensi-agensi penguatkuasaan contohnya Unit Integriti PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

v. Penambahbaikan Kemudahan Agensi Penguatkuasaan

Suruhanjaya disyorkan untuk membantu penambahbaikan kemudahan dan logistik di Bahagian Penguatkuasaan Agensi Antidadah Kebangsaan di Negeri Kelantan.

iii. Provisions of the Whistleblower Protection Act

Participants also suggested for protection to be given to the lower ranking staff of the enforcement agencies when complaints are made to the Commission as provided for in the Whistleblower Protection Act 2010 [Act 711].

iv. Monitoring of Integrity Units within Enforcement Agencies

Suggestion was also made for the Commission to monitor the Integrity Units formed within enforcement agencies such as the Integrity Unit in RMP, Immigration Department and Ministry of Housing and Local Government.

v. Improvement of Facility for Enforcement Agency

Proposal was also made for the Commission to assist in improving the facilities and logistics of the Kelantan National Anti-Drug Agency's Enforcement Unit.

KONVENSYEN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Konvensyen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan telah dianjurkan pada 20 Mei 2013 sempena Ulang Tahun Kedua Penubuhan Suruhanjaya ini sejak 1 April 2011. Bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Konvensyen ini telah dihadiri oleh 514 orang peserta merangkumi pegawai kanan agensi-agensi penguatkuasaan di bawah seliaan Suruhanjaya, pihak-pihak berkepentingan serta Badan-badan Bukan Kerajaan.

Objektif utama Konvensyen ini adalah untuk menjana perbincangan dalam menilai keberkesanan penubuhan Suruhanjaya ini semenjak 1 April 2011. Pengisiannya terbahagi kepada:

- I. Sesi Forum yang bertajuk "Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan: Satu Analisis Kritikal" dengan tiga (3) ahli panel jemputan iaitu Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan (Mantan Ketua Setiausaha Negara), Datuk Dr. Khaw Lake Tee (Naib Pengerusi SUHAKAM) dan Tun Abdul Hamid Haji Mohamad (Mantan Ketua Hakim Negara); dan
- II. Sesi Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah yang bertajuk "Ke Arah Memperkasakan Integriti".

ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION CONVENTION

In conjunction with the Second Anniversary of the establishment of the Commission on 1 April 2011, the Commission held the Enforcement Agency Integrity Commission Convention on 20 May 2013 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC). The Convention was attended by 514 participants comprising of senior officers from the enforcement agencies under the purview of the Commission, stakeholders and Non-Governmental Organisations.

The main objective of the Convention was to generate a constructive discussion in assessing the effectiveness of the establishment of the Commission since 1 April 2011. The agenda of the Convention included:

- I. A Forum titled "Enforcement Agency Integrity Commission: A Critical Analysis" with a panel of three (3) guest speakers i.e. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan (Former Chief Secretary to the Government), Datuk Dr. Khaw Lake Tee (Vice Chairman of SUHAKAM) and Tun Abdul Hamid Haji Mohamad (Former Chief Justice); and*
- II. Royal Address by His Highness the Regent of Perak, Raja Dr. Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah titled "Ke Arah Memperkasakan Integriti".*



Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak merangkumi, di antara lain, penekanan yang sangat bermakna mengenai nilai-nilai integriti dan Duli Yang Maha Mulia juga memberi contoh-contoh kes di mana adanya impak ke atas masyarakat apabila nilai integriti merosot. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan menyampaikan peringatan yang berharga kepada pegawai-pegawai awam termasuk pegawai yang berkhidmat di dalam agensi penguatkuasaan agar menegakkan integriti. Tun Abdul Hamid Haji Mohamad berpendirian bahawa beliau mengambil berat terhadap aspek tahap keberkesanan Suruhanjaya meneruskan fungsi-fungsinya tanpa diperkukuhkan dengan anggota pegawai dan kakitangan Suruhanjaya yang lebih terlatih serta lebih cekap dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Datuk Dr. Khaw Lake Tee dalam ucapan beliau telah membuat analisa mengenai persamaan dan perbezaan antara Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan SUHAKAM dengan memberikan penerangan mengenai peranan yang dimainkan oleh kedua-dua Suruhanjaya tersebut. Berikut adalah petikan-petikan dari Titah Diraja serta dari ucapan Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan dan Tun Abdul Hamid Haji Mohamad. Disertakan juga rumusan ucapan Datuk Dr. Khaw Lake Tee.

The Royal Address by His Highness the Regent of Perak incorporated, inter alia, significant emphasis on the virtues of integrity and case examples of the impact upon society when there is a dearth of integrity. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan rendered valuable reminders to public officers including officers who serve in enforcement agencies to uphold integrity. Tun Abdul Hamid Haji Mohamad expressed his concern on the extent to which the Commission could effectively discharge its functions without an enhancement of its personnel who are better trained and more proficient in carrying out their duties. Datuk Dr. Khaw Lake Tee in her speech has made an analysis of the similarities and differences between the Enforcement Agency Integrity Commission and SUHAKAM by explaining the roles of each of the Commission. The following are the excerpts from the Royal Address and from the speeches of Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan and Tun Abdul Hamid Haji Mohamad. A summary of the speech of Datuk Dr. Khaw Lake Tee is also included.



DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU
RAJA PERAK DARUL RIDZUAN RAJA
DR. NAZRIN SHAH IBNI SULTAN
AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH

“Maha Suci ALLAH yang menciptakan manusia, diperlengkap dengan akal, dibekalkan panduan - diwahyukan peringatan, supaya menyempurnakan amanah serta memenuhi tanggung jawab secara berintegriti. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alai Wassalam, ahli keluarga serta para sahabat Baginda, begitu juga kepada para ulama dan para tabiin; semoga memperoleh ihsan sehingga ke hari bangkitan.

Perkataan integriti berasal dari perkataan Latin, interger bermaksud sesuatu yang sempurna, memiliki kesyumulan, jati diri yang didukung oleh sifat-sifat kejujuran, keikhlasan, ketulusan, ketelusan dan keutuhan. Integriti adalah subjek menyentuh akhlak. Tiga komponen asas yang ditekankan dalam pendidikan Islam adalah Tauhid, Syariat dan Akhlak.

Aspek integriti berulang kali diperingatkan oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran; turut terkandung dalam Sunah-sunah Rasulullah Sallallahu Alai Wassalam. Ayat 27, Surah al-Anfal bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) ALLAH dan Rasul Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada mu, sedang kamu mengetahui”

Integriti ditegaskan oleh semua agama, semua fahaman, semua budaya dan semua tamadun. Di dalam INJIL terkandung peringatan:

“So you will walk in the way of the good and keep to the paths of the righteous. For the upright will inhabit the land, and those with integrity will remain in it...”

Terkandung dalam Bhagavad Gita, kitab rujukan penganut Hindu, kata-kata:

“In battle, in the forest, at the precipice in the mountains, on the dark great sea, in the midst of javelins and arrows, in sleep, in confusion, in the depths of shame, the good deeds a man has done before, defend him”

Guru Nanak memperingatkan pengikutnya dengan pesanan:

"He prospers for a while through unrighteousness, then he gains great good fortune, next he conquers his enemies, but, at last he perishes, branch and root; so follow the path of honesty"

Terkandung dalam ajaran Buddha kata-kata:

"They should esteem public morality, honor virtuous conduct, listen to honorable teachers and make offerings to them. ...

The fragrance of a flower does not float against the wind; but the honor of a good man goes even against the wind into the world"

Confucious menegaskan bahawa kekuatan sesebuah negara itu dibina melalui amalan integriti yang wajib disemai nilainya bermula dari rumah. Demikian pentingnya integriti dalam membina jati diri insan, sebagai komponen kekuatan sesebuah negara bangsa; asas untuk membangunkan tamadun yang agung.

Integriti dapat diperkasakan jika pentadbiran negara diterasi atas tiang perundangan, dikuatkuasakan tanpa gentar – tanpa pilih kasih; tanpa halangan – tanpa campur tangan politik. Kesungguhan pemimpin menangani rasuah, serta langkah tegas pemimpin berani mengeluarkan sel rasuah dari anatomi pentadbiran, sebenarnya akan lebih mengukuhkan kedudukan pemimpin, di samping membina imej positif kerajaan, serta meningkatkan penghormatan dan keyakinan rakyat terhadap pemimpin, sekali gus meningkatkan integriti pemimpin di mata rakyat.



TAN SRI MOHD SIDEK HAJI HASSAN

(MANTAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA)
(FORMER CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT)

“Sebarang salah-laku akan tersebar dengan luas dalam sekelip mata sahaja... melalui internet. Oleh yang demikian, tindakan susulan oleh pihak berkuasa juga harus diambil dengan cepat. Kedua, setiap tindakan seseorang anggota perkhidmatan awam dianggap sebagai tindakan kolektif bukan sahaja jabatan tersebut, malah seluruh jentera kerajaan...Maka adalah penting setiap penjawat awam, bukan sahaja di agensi-agensi Penguatkuasaan, tetapi semua penjawat awam, di setiap peringkat, menghayati dan mempraktikkan bahawa oleh kerana kerjaya dalam perkhidmatan awam adalah pilihan kita, ianya adalah amanah, 'it is a calling', dan oleh itu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh integriti.”

“Mesejnya adalah penguatkuasaan integriti akan lebih mudah sekiranya orang ramai turut terlibat dalam pemantauan dan mempunyai kesedaran dan harapan yang tinggi. Kesedaran tentang pentingnya integriti dalam menjamin kesejahteraan jangka panjang negara kita. Harapan bahawa setiap penjawat awam akan mendahulukan Negara, bukan kepentingan diri. Untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, kita tidak memerlukan suatu masterplan yang canggih. Undang-undang memang penting, tetapi yang lebih penting adalah penguatkuasaan undang-undang tersebut. Apa yang membezakan satu masyarakat yang mematuhi undang-undang dengan yang lain adalah budaya penguatkuasaan. 'A culture of enforcement'. Itu sepatutnya menjadi objektif kita – untuk melahirkan satu masyarakat, termasuk perkhidmatan awam, yang tidak akan berkompromi dalam isu integriti.”



TUN ABDUL HAMID HAJI MOHAMAD

(MANTAN KETUA HAKIM NEGARA)
(FORMER CHIEF JUSTICE)

“
... **C**omplaints against a government agency should not be taken at face value as the proof that the agency is seriously suffering from an integrity problem. We should first find out who the complainants are and what their motives are.”

“
... **W**hile integrity has to be ingrained in an individual from birth to death, at organisational level, the examples has to come from the top. There must be political will, not mere rhetoric, campaigns, talks, seminars but actual practice.”



DATUK DR. KHAW LAKE TEE

(NAIB Pengerusi SUHAKAM)
(VICE CHAIRMAN OF SUHAKAM)

Datuk Dr. Khaw Lake Tee memperjelaskan bahawa aduan yang diterima SUHAKAM iaitu berkenaan hak asasi manusia adalah lebih meluas dan tidak terhad kepada salah laku sahaja. Beliau memberi contoh lawatan oleh SUHAKAM mendapati terdapat banduan yang kesihatan mereka terjejas akibat hukuman sebat yang dikenakan ke atas mereka walaupun tidak berlakunya apa-apa salah laku oleh pegawai penjara.

Menurut beliau, jika salah laku anggota penguatkuasaan itu melibatkan pelanggaran hak asasi manusia, maka SUHAKAM juga mempunyai kuasa untuk menyiasat di samping Suruhanjaya Integriti. Beliau telah memberikan beberapa contoh aduan di mana kedua-dua Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk menyiasat seperti penahanan berterusan (prolonged detention); penahanan di bawah undang-undang penahanan untuk pencegahan (preventive detention law); kematian dalam tahanan (death in custody); dan aduan berkenaan penderaan fizikal ke atas orang yang ditahan.

Menyentuh kuasa siasatan, beliau menjelaskan bahawa perkataan "Kuasa Siasatan" terkandung di dalam Akta SUHAKAM 1999 versi Bahasa Malaysia dan begitu juga dengan Akta 700 versi Bahasa Malaysia. Namun, perkataan "Investigation Powers" seperti yang terkandung di dalam Akta 700 tidak terdapat di dalam Akta SUHAKAM 1999 versi Bahasa Inggeris. Menurut beliau lagi, Akta SUHAKAM 1999 hanya memperuntukkan "Powers of Inquiry". Walaupun SUHAKAM diperuntukkan kuasa "siasatan" tetapi kuasa sedemikian adalah tidak menyeluruh seperti kuasa penyiasatan Suruhanjaya Integriti yang diperuntukkan di bawah Akta 700.

Beliau menerangkan bahawa kuasa siasatan SUHAKAM tidak meliputi kuasa untuk mengeluarkan waran penangkapan ke atas mereka yang tidak hadir, selepas dipanggil, untuk penyiasatan; mengenakan denda ke atas mereka yang enggan memberi keterangan atau mengemukakan sesuatu dokumen; kuasa untuk membenarkan orang berkepentingan untuk hadir di pendengaran dan wakil undang-undang; Suruhanjaya Integriti juga boleh menggunakan sumber manusia dan kemudahan jabatan lain untuk tujuan siasatan; serta kuasa untuk menggeledah dan menyita dengan atau tanpa waran.

Datuk Dr. Khaw Lake Tee explained that the complaints received by SUHAKAM in respect of human rights were much wider in scope and not only limited to misconduct. She cited a case where a visit by SUHAKAM revealed health deterioration among prisoners due to the whipping imposed though there was no misconduct on the part of the prison officers.

She said where misconduct of the enforcement personnel involves violation of human rights, SUHAKAM as well as the Integrity Commission would have the powers to investigate. She also gave some examples of complaints in which both Commissions have the power to investigate such as prolonged detention; detention under preventive detention law, death in custody and complaints of physical abuse of persons under detention.

In relation to the investigation powers, she explained that the term "Kuasa Siasatan" is found in the Bahasa Malaysia version of the SUHAKAM Act 1999 as well as the Act 700. However the term "Investigation Powers" used in the English version of the Act 700 is not found in the English version of the SUHAKAM Act 1999. According to her, the SUHAKAM Act 1999 only provides for the "Powers of Inquiry" and such power is not as all-encompassing as the Integrity Commission's investigation powers provided under Act 700.

She further explained that the investigation power conferred on SUHAKAM does not include the power to issue arrest warrants against those who fail to appear when called for an inquiry; imposing fine on those who refuse to give evidence or produce any document; powers to allow interested persons to appear at the hearing and legal representation. In comparison, according to her, the Integrity Commission may also use human resources and facilities of other departments for investigation purposes; and powers of search and seizure with or without warrant.

A black gooseneck microphone is positioned on a light-colored wooden conference table. The microphone has a flexible neck and a small red ring near the top. The background shows a blurred meeting room with other microphones and chairs.

PENGURUSAN ADUAN

DEALING WITH
COMPLAINTS

Selaras dengan peruntukan seksyen 4(1)(a) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], salah satu fungsi utama Suruhanjaya ini adalah menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian. Pengurusan Aduan diperuntukkan di dalam Bahagian IV Akta 700 dan carta alirannya adalah seperti dalam “LAMPIRAN 3”.

Setiap aduan akan dibentangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Suruhanjaya yang diadakan menurut seksyen 9 Akta 700. Semua keputusan ke atas setiap aduan yang diterima terletak pada Suruhanjaya.

Under section 4(1)(a) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [*Act 700*], one of the main functions of the Commission is to receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or an enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints. Complaints Management is as set out in Part IV of the Act 700 and its flow chart is as per “ANNEXURE 3”.

Each complaint will be tabled and considered at the Commission Meeting held under section 9 of the Act. Decision made on each complaint received is entirely on the Commission.



PENERIMAAN ADUAN SALAH LAKU

RECEIPT OF COMPLAINT OF MISCONDUCT

Fungsi menerima aduan salah laku terletak pada Seksyen Aduan, Bahagian Operasi. Seksyen ini bertanggungjawab menerima, menilai serta membuat tapisan terhadap setiap aduan atau maklumat yang diperolehi menurut seksyen 23 Akta 700. Setiap aduan kemudiannya akan dijalankan siasatan awal oleh Jawatankuasa Aduan di bawah seksyen 25 Akta 700 dan diputuskan di bawah seksyen 26 Akta 700. Pengesyoran Jawatankuasa Aduan terhadap setiap aduan tersebut seterusnya dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya untuk pertimbangan dan keputusan muktamad.

Terdapat empat (4) cara sesuatu aduan dikendalikan di bawah Akta 700 iaitu:

- a) aduan disiasat sepenuhnya oleh Suruhanjaya ini jika sesuatu aduan tersebut menzahirkan salah laku seperti ditakrifkan dalam seksyen 24 Akta 700 dan terdapat asas bagi Suruhanjaya ini menyiasat aduan sedemikian;
- b) aduan dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) yang berkenaan untuk penyiasatan jika kesalahan tatatertib dizahirkan dan aduan itu lebih baik diuruskan oleh pihak yang berkenaan;
- c) aduan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk penyiasatan jika kesalahan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dizahirkan; dan
- d) aduan ditolak atas alasan:
 - 1) aduan itu tidak termasuk dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24;
 - 2) aduan itu bersifat remeh atau menyusahkan, atau bahawa aduan itu tidak dibuat dengan suci hati;
 - 3) hal perkara aduan itu kecil;
 - 4) salah laku yang diadakan itu telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan dijalankan;
 - 5) terdapat atau telah tersedia ada suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu; atau
 - 6) hal perkara aduan itu telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah atau menjadi hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa prosiding rayuan.

The task of receiving complaints of misconduct is assigned to the Complaints Section of the Operations Division. This section is responsible for receiving, assessing and screening each and every complaint made or information obtained pursuant to section 23 of the Act. Each complaint will then go through the preliminary investigation by the Complaints Committee under section 25 of the Act and decided upon under section 26 of the Act. The Complaints Committee's recommendations on each complaint will then be brought to the Commission for consideration and final decision.

There are four (4) methods for dealing with a complaint under Act 700, i.e.:

- a) *the complaint is fully investigated by the Commission if the complaint discloses misconduct as defined under section 24 of Act 700 and there is a basis for the Commission to investigate such complaint;*
- b) *the complaint is referred to the relevant Disciplinary Authority for investigation if a disciplinary offence is discovered and the complaint would be better dealt with by the authority concerned;*
- c) *the complaint is referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) for investigation where an offence under Part IV of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 is disclosed; and*
- d) *the complaint is rejected on the grounds of:*
 - 1) *the complaint does not fall within the scope of misconduct specified under section 24;*
 - 2) *the complaint is frivolous or vexatious, or the complaint was not made in good faith;*
 - 3) *the subject matter of the complaint is trivial;*
 - 4) *the misconduct complained of had occurred too long ago to justify an investigation;*
 - 5) *an alternative and satisfactory means of redress is available to the complainant;*
 - 6) *the subject matter of the complaint has been finally determined by a court or is the subject matter of proceedings pending in any court, including any appeal proceedings.*

PENYIASATAN ADUAN SALAH LAKU

INVESTIGATION INTO A COMPLAINT OF MISCONDUCT



Bukan semua aduan yang diterima akan disiasat sepenuhnya oleh Suruhanjaya. Hal ini kerana semua aduan yang diterima akan dijalankan siasatan awal oleh Jawatankuasa Aduan di bawah seksyen 25 dan 26 Akta 700 serta dibuat keputusan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 27 Akta 700.

Menurut seksyen 27(4) dibaca bersama seksyen 26(3) Akta 700, penyiasatan mengenai sesuatu aduan hendaklah dimulakan jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa suatu salah laku telah dizahirkan dan terdapat asas bagi Suruhanjaya memulakan siasatan penuh. Fungsi menyiasat aduan sedemikian terletak pada Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta 700 iaitu merangkumi pegawai-pegawai di Seksyen Siasatan, Bahagian Operasi. Menurut seksyen 17(4) Akta 700, anggota Pasukan Petugas ini mempunyai semua kuasa penyiasatan sebagaimana yang terkandung dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan kuasa di bawah Akta 700.

Not all complaints will be fully investigated by the Commission. This is because all complaints received will undergo the preliminary investigation by the Complaints Committee under section 25 and 26 of the Act and will be decided by the Commission under section 27 of Act 700.

According to section 27(4) read together with section 26(3) of the Act 700, an investigation into a complaint must be initiated if the Commission is satisfied that misconduct has been disclosed and there is a basis for the Commission to initiate a full investigation. The task of investigating such a complaint lies with the Task Force established under section 17 of Act 700, i.e. officers in of the Investigations Section of the Operations Division. Under section 17(4) of the Act 700, a member of the task force has full powers of investigation under the Criminal Procedure Code [Act 593] and Act 700.

Menurut seksyen 28 Akta 700, Suruhanjaya boleh memulakan penyiasatan atas inisiatif sendiri berkenaan dengan sesuatu salah laku jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa perkara itu mempunyai kepentingan yang signifikan kepada orang ramai atau demi kepentingan awam. Peruntukan ini membolehkan Suruhanjaya memulakan penyiasatan walaupun tiada aduan diterima atau dirujuk oleh mana-mana orang.

Pada 28 Mei 2013, Suruhanjaya telah memutuskan untuk menggunakan kuasa di bawah seksyen 28 Akta 700 ini bagi menyiasat kematian tahanan di dalam jagaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) walaupun tiada aduan dibuat mengenai hal perkara tersebut. Demi kepentingan awam, suatu penyiasatan telah diputuskan oleh Suruhanjaya untuk dijalankan ke atas kematian 2 orang tahanan semasa berada dalam jagaan PDRM iaitu N. Dharmendran pada 21 Mei 2013 dan R. James Ramesh pada 26 Mei 2013. Satu Pasukan Petugas telah ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta 700 untuk menyiasat kedua-dua kematian tersebut dengan terma-terma rujukan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya. Sehingga laporan ini ditulis, kedua-dua kes tersebut masih dalam proses siasatan.

Kenyataan Media berhubung siasatan tersebut adalah seperti dalam "LAMPIRAN 4".

Bermula 16 Mei 2013, Suruhanjaya hanya mempunyai seorang Pegawai Siasatan secara pinjaman daripada SPRM. Hal ini kerana Pegawai-pegawai Siasatan lain telah bertukar balik ke SPRM secara berperingkat. Dengan mengambil kira siasatan tertunggak yang banyak, SPRM telah bersetuju untuk menempatkan sembilan (9) orang Pegawai Siasatan ke Seksyen Siasatan, Bahagian Operasi Suruhanjaya ini selama sebulan iaitu bermula daripada 1 Oktober hingga 31 Oktober 2013. Walau bagaimanapun, tempoh penempatan empat (4) daripada sembilan (9) orang Pegawai tersebut telah dilanjutkan sehingga 29 November 2013 bagi menyempurnakan sepenuhnya siasatan-siasatan yang sedang dikendalikan.

Penempatan Pegawai-pegawai Siasatan di Suruhanjaya ini telah berjaya menggerakkan siasatan yang tertunggak sebelum ini. Sehingga 30 Oktober 2013, sebanyak 83 siasatan telah diambil tindakan. Sebahagian daripadanya iaitu 48 siasatan telah selesai dan dalam proses untuk dinilai serta diputuskan dalam Mesyuarat Suruhanjaya.

Suruhanjaya ini sentiasa komited untuk menyediakan segala kemudahan yang diperlukan oleh pegawai-pegawai Siasatan bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes siasatan penuh yang tertunggak. Bagi tujuan ini, Suruhanjaya telah memutuskan untuk membeli tiga (3) buah kenderaan dan 11 buah komputer riba bagi kegunaan siasatan demi memastikan kerja-kerja siasatan berjalan lancar.

Under section 28 of the Act 700, the Commission may initiate an investigation on its own initiative in respect of any misconduct if it is satisfied that the matter is of significant interest to the public or is in the interest of the public. This provision authorises the Commission to initiate an investigation even if no complaint is received or referred to it by any person.

On 28 May 2013, the Commission decided to exercise its powers under section 28 of Act 700 to investigate the death in custody of the Royal Malaysia Police (RMP) even though no complaint had been made about the matter. The Commission decided, in the interest of the public, to hold an investigation into the death in police custody of two detainees, i.e. N. Dharmendran on 21 May 2013 and R. James Ramesh on 26 May 2013. A task force was established under section 17 of Act 700 to investigate the two deaths with the terms of reference determined by the Commission. As at the time of this report, the two cases are still under investigation.

Press Statements regarding the said investigations are as per "ANNEXURE 4".

As at 16 May 2013, the Commission had only one (1) Investigation Officer on secondment from the MACC as the other Investigation Officers have been transferred back to the MACC in stages. In view of the backlog of pending investigations, the MACC agreed to the emplacement of nine (9) Investigation Officers in the Investigations Section of the Commission's Operations Division for a month, i.e. from 1 to 31 October 2013. However, the emplacement of four (4) out of the nine (9) officers was extended until 29 November 2013 in order to fully complete the investigations under way.

The stationing of Investigation Officers within the Commission had made a progress of investigations that had previously stalled. As at 30 October 2013, a total of 83 investigations had been acted upon. Out of these 48 investigations have been completed and are awaiting evaluation and decision of the Commission Meeting.

The Commission remains committed to making available whatever facilities that may be required by the Investigation Officers to expedite the completion of investigations which are still pending. Towards this end, the Commission has decided to purchase three (3) vehicles and 11 laptops for use in the investigation process to ensure that the investigations progress smoothly.

STATISTIK ADUAN COMPLAINTS STATISTIC

Berikut adalah analisis ke atas aduan yang diterima oleh Suruhanjaya dalam bentuk pecahan jadual:

(a) Pecahan jumlah aduan mengikut bentuk aduan:

BENTUK ADUAN MODE OF COMPLAINT	JUMLAH TOTAL
PENGADU HADIR COMPLAINT IN PERSON	64
SURAT RASMI FORMAL CORRESPONDENCE	104
E-MEL E-MAIL	75
SURAT LAYANG ANONYMOUS LETTER	28
DIRUJUK OLEH AGENSI LAIN REFERRED TO BY OTHER AGENCIES	27
i-SPAAA	2
TELEFON TELEPHONE	1
JUMLAH TOTAL	301

Suruhanjaya menerima aduan melalui pelbagai saluran dan jumlah yang paling tinggi adalah melalui surat rasmi. Hal ini disebabkan beberapa faktor iaitu mengikut peruntukkan di bawah seksyen 23 Akta 700 yang memperuntukkan bahawa sesuatu aduan hendaklah dibuat secara bertulis.

Faktor jarak tempat pengadu dan pejabat Suruhanjaya yang hanya berpusat di Putrajaya sedangkan pengadu datang dari seluruh Malaysia termasuklah Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah Pulau Pinang, Johor, Kelantan dan Terengganu turut menyumbang kepada jumlah ini. Selain itu, terdapat pengadu yang sudah berumur dan tidak mampu menanggung kos perbelanjaan untuk hadir ke Pejabat Suruhanjaya.

Aduan di Suruhanjaya juga diterima melalui e-mel, selain daripada pengadu sendiri yang hadir sama ada melalui temu janji atau secara *walk-in* dan ada juga melalui surat layang. Selain daripada itu, Suruhanjaya juga menerima aduan yang dirujuk oleh agensi-agensi lain terutamanya oleh SPRM.

An analysis of the complaints received by the Commission in the form of a breakdown table is as follows:

(a) The breakdown of complaints according to the mode of complaint:

The Commission receives complaints through various channels and the highest number of complaints is received via formal letter. This is due to several factors and one of which is under section 23 of the Act, a complaint must be made in writing.

Other factors that contribute to this, firstly, the distance between the complainant and the Commission's office which is located only in Putrajaya whereas the complainants may come from all over Malaysia including Sabah, Sarawak, Perlis, Kedah Pulau Pinang, Johor, Kelantan and Terengganu. Besides, the complainants are too old and thus are unable to bear the cost of coming to the Commission's Office.

Besides making complaint in person, either by the way of appointment or walk-in, the Commission also receives complaints via e-mail as well as anonymous letter. In addition, the Commission also receives complaints referred by other agencies, particularly the MACC.



(b) Pecahan jumlah aduan mengikut bulan:

(b) *The breakdown of complaints according to month:*

BULAN MONTH	JUMLAH TOTAL
JANUARI JANUARY	36
FEBRUARI FEBRUARY	23
MAR MARCH	14
APRIL APRIL	26
MEI MAY	24
JUN JUNE	32
JULAI JULY	44
OGOS AUGUST	16
SEPTEMBER SEPTEMBER	25
OKTOBER OCTOBER	27
NOVEMBER NOVEMBER	14
DISEMBER DECEMBER	20
JUMLAH TOTAL	301

Jumlah aduan paling tinggi diterima adalah dalam bulan Julai. Hal ini adalah disebabkan beberapa faktor antaranya ialah keberkesanan program-program memperkenalkan Suruhanjaya kepada orang awam dan agensi penguat kuasa seperti Konvensyen Suruhanjaya 2013, temu bual di media massa serta Sesi Dialog Suruhanjaya bersama Agensi Penguatkuasaan di negeri-negeri.

Aduan yang diterima oleh Suruhanjaya ini berkurangan dalam bulan Ogos disebabkan kerana terdapat banyak cuti umum seperti Hari Raya Aidil Fitri di dalam bulan tersebut.

The month of July showed the highest numbers of complaint received. This is due to several factors among others the Commission's introduction programmes to the public and enforcement agencies such as the Commission's 2013 Convention, interviews in the mass media and the Commission's Dialogue Sessions with Enforcement Agencies in various states.

Complaints received by the Commission in August saw a reduction due to the public holidays in the said month such as Hari Raya Aidil Fitri.

(c) Pecahan jumlah aduan mengikut negeri:

(c) *The breakdown of complaints according to state:*

NEGERI STATE	JUMLAH TOTAL
PERLIS	1
KEDAH	17
PULAU PINANG/ <i>PENANG</i>	17
PERAK	18
KUALA LUMPUR	63
SELANGOR	88
NEGERI SEMBILAN	14
MELAKA/ <i>MALACCA</i>	5
JOHOR	26
PAHANG	9
TERENGGANU	4
KELANTAN	10
SABAH	4
SARAWAK	5
PUTRAJAYA	21
LABUAN	0
JUMLAH TOTAL	302

* Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan kerana terdapat satu (1) aduan yang melibatkan dua (2) negeri

* *The total number shown here differs from the number of complaints registered as there is one (1) complaint involve two (2) states.*

Jumlah aduan mengikut negeri yang tertinggi diterima Suruhanjaya adalah daripada negeri Selangor, ini diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dan Johor. Hal ini adalah kerana tahap kesedaran orang awam terhadap kewujudan Suruhanjaya ini adalah paling tinggi di ketiga-tiga negeri ini.

The highest number of complaints received by the Commission was from the state of Selangor, followed by the Federal Territory of Kuala Lumpur and Johor. This is due to the fact that the degree of public awareness of the existence of the Commission is highest in these three (3) states.

Di samping itu, tiga (3) buah negeri tersebut merupakan antara negeri yang mempunyai kadar jenayah yang paling tinggi dan melibatkan kes-kes yang lebih rumit. Ia secara tidak langsung menyebabkan beban kerja yang lebih berat perlu dipikul oleh pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan berbanding negeri-negeri yang lain.

Apart from this, these three (3) states are among the states that recorded the highest crime rate and the cases are rather complex. This indirectly results in heavier workload for the enforcement officers and enforcement agencies compared to the other states.

Jika dilihat jumlah aduan yang diterima Suruhanjaya adalah amat kurang terhadap negeri Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Ini kemungkinan disebabkan kurangnya kesedaran orang awam tentang fungsi Suruhanjaya dan salah laku yang boleh diadukan di Suruhanjaya walau pun negeri-negeri ini adalah negeri yang mana agensi penguatkuasaan juga menghadapi tugas yang mencabar dan lebih global kerana melibatkan jenayah yang melibatkan kemasukan warga asing melalui sempadan Malaysia.

It can be seen that the total number of complaints received by the Commission against Perlis, Terengganu, Sabah and Sarawak is lower. This is probably due to lack of public awareness about the functions of the Commission and ignorance of the fact that misconduct can be reported to the Commission. Yet the fact remains that the enforcement agencies in these states face an uphill and a more globalised task as the crimes involve foreigners from across the Malaysian border.

Melihat kepada pola ini, Suruhanjaya telah memperkembangkan aktiviti-aktiviti promosinya bagi memfokuskan kesemua negeri-negeri tersebut pada tahun ini.

In the wake of this scenario, the Commission has expanded its publicity activities in the current year so as to focus on all the states.

(d) Pecahan jumlah aduan mengikut agensi penguatkuasaan:

(d) The breakdown of complaints according to enforcement agency:

AGENSI AGENCY	JUMLAH TOTAL
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NATIONAL ANTI-DRUG AGENCY	1
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA MALAYSIAN MARITIME ENFORCEMENT AGENCY	3
IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA)	0
JABATAN ALAM SEKITAR DEPARTMENT OF ENVIRONMENT	1
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA	15
KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL CUSTOMS DEPARTMENT OF MALAYSIA	3
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH	0
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NATIONAL REGISTRATION DEPARTMENT	1
JABATAN PENERBANGAN AWAM CIVIL AVIATION DEPARTMENT	0
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) ROAD TRANSPORT DEPARTMENT (RTD)	10
JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN INDUSTRIAL RELATIONS DEPARTMENT	1
JABATAN PERIKANAN FISHERIES DEPARTMENT	1
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA DEPARTMENT OF WILDLIFE AND NATIONAL PARKS	0
JABATAN TENAGA KERJA LABOUR DEPARTMENT	3
KEMENTERIAN KESIHATAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) MINISTRY OF HEALTH (ENFORCEMENT DIVISION)	3
KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA (UNIT PENGUATKUASAAN BAHAGIAN PELESENAN) MINISTRY OF TOURISM MALAYSIA (ENFORCEMENT UNIT OF LICENSING DIVISION)	1
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) MINISTRY OF DOMESTIC TRADE, CO-OPERATIVES AND CONSUMERISM (ENFORCEMENT DIVISION)	4
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) (KPKT) MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT (ENFORCEMENT DIVISION) (MHLG)	2
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN COMMERCIAL VEHICLES LICENSING BOARD	0
POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) ROYAL MALAYSIAN POLICE (RMP)	215
LAIN-LAIN AGENSI (LL) OTHER AGENCIES	42
* JUMLAH * TOTAL	306

* Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan kerana terdapat aduan melibatkan lebih daripada satu agensi yang diadakan

* The total number shown here differs from the number of complaints registered as some complaints involve more than a single agency.

Dapat dilihat bahawa PDRM mencatatkan jumlah aduan yang paling tinggi pada tahun ini. Suruhanjaya ini percaya salah satu faktornya adalah kerana PDRM merupakan agensi yang paling banyak berhubungan dengan orang awam.

It can be seen that the RMP has the highest number of complaints for this year. The Commission believes that one of the factor is that RMP is an agency which has the most direct contact with the public.

Adalah didapati juga masyarakat masih tidak memahami bidang kuasa Suruhanjaya ini kerana aduan kedua tertinggi adalah terhadap agensi yang tidak tertakluk di bawah seliaan Suruhanjaya ini.

It is also noted that public awareness of the Commission's jurisdiction is rather low as the second highest number of complaints are against agencies that do not come under the purview of the Commission.

(e) Pecahan jumlah aduan mengikut keputusan Suruhanjaya:

(e) *The breakdown of complaints according to decision by the Commission:*

KEPUTUSAN SURUHANJAYA COMMISSION'S DECISION	JUMLAH TOTAL
DITOLAK <i>REJECTED</i>	138
DIRUJUK KEPADA SPRM <i>REFERRED TO MACC</i>	4
DIRUJUK KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB <i>REFERRED TO DISCIPLINARY AUTHORITY</i>	12
DIRUJUK KEPADA PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN SPRM <i>REFERRED TO DISCIPLINARY AUTHORITY AND MACC</i>	12
SIASATAN PENUH <i>FULL INVESTIGATION</i>	76
TINDAKAN SIASATAN AWAL <i>PRELIMINARY INVESTIGATION</i>	216
JUMLAH TOTAL	458

* Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan kerana terdapat 152 aduan belum selesai yang dibawa daripada tahun 2012

* *The total number shown here differs from the number of complaints registered as there were 152 complaints brought forward from 2012*

Sehingga laporan ini ditulis, Suruhanjaya ini dalam proses menjalankan siasatan awal terhadap 216 aduan. Siasatan awal dijalankan bagi mendapatkan maklumat atau dokumen serta pengesahan yang berkaitan dengan aduan daripada agensi penguatkuasaan yang diadukan atau pengadu sendiri.

As at the time of this report, the Commission was in the process of conducting preliminary investigation into 216 complaints to obtain information or document or verification from enforcement agencies or the complainant himself.

Siasatan awal amat penting bagi menentukan jenis salah laku yang diadukan, seterusnya menentukan sama ada pegawai atau agensi yang terlibat. Selain itu, ia juga akan memudahkan Suruhanjaya untuk mendapatkan butir-butir lanjut tentang aduan dan pengadu serta maklumat-maklumat lain bagi membantu proses tapisan aduan.

Preliminary investigation is crucial in order to determine the nature of misconduct complained of and also to determine whether it involves the officer or the agency. In addition, it will help the Commission to obtain more information about the complaint and the complainant, as well as other particulars that may help to filter complaints.



(f) Pecahan jumlah aduan ditolak oleh Suruhanjaya mengikut alasan/seksyen dalam Akta 700:

(f) *The breakdown of complaints rejected by the Commission according to the ground/section under Act 700:*

ALASAN/SEKSYEN GROUND/SECTION	JUMLAH TOTAL
Salah laku yang diadukan berlaku sebelum kuat kuasa Akta 700 Seksyen 1(3) <i>Misconduct complained of occurred before the commencement of the Act</i> Section 1(3)	8
Agensi yang diadukan di luar bidang kuasa Suruhanjaya Seksyen 1(4) <i>Agency complained against is not within the Commission's jurisdiction</i> Section 1(4)	28
Aduan tidak termasuk di dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24 Akta 700 Seksyen 26(4)(a) <i>The complaint does not fall within the scope of misconduct under section 24 of the Act</i> Section 26(4)(a)	70
Aduan bersifat remeh, menyusahkan atau tidak dibuat dengan suci hati Seksyen 26(4)(b) <i>The complaint is of a frivolous or vexatious nature, or it was not made in good faith</i> Section 26(4)(b)	0
Hal perkara aduan itu kecil Seksyen 26(4)(c) <i>The subject matter of the complaint is trivial</i> Section 26(4)(c)	0
Salah laku telah berlaku terlalu lama dahulu untuk mewajarkan suatu penyiasatan Seksyen 26(4)(d) <i>The misconduct complained of occurred too remote a time to justify an investigation</i> Section 26(4)(d)	0
Terdapat atau telah tersedia suatu cara tebus rugi alternatif dan memuaskan bagi pengadu Seksyen 26(4)(e) <i>There is or was available to the complainant an alternative and satisfactory means of redress</i> Section 26(4)(e)	6
Hal perkara telah diputuskan secara muktamad atau masih dalam prosiding di mana-mana Mahkamah, termasuk prosiding rayuan Seksyen 26(4)(f) <i>The subject matter of the complaint has been finally determined or pending in any court, including appeal proceedings</i> Section 26(4)(f)	14
Aduan menjadi mustahil atau tidak mungkin dapat dinilai kerana tiada butiran atau perincian pengadu/aduan yang berkaitan Seksyen 23(3) <i>The complaint becomes impossible or impracticable to be assessed without the relevant particulars or details of the complainant/complaint</i> Section 23(3)	12
JUMLAH TOTAL	138

Jadual di atas menunjukkan alasan-alasan Suruhanjaya menolak aduan-aduan yang diterima. Bagi tahun 2013, sebanyak 70 aduan telah ditolak kerana selepas siasatan awal dilakukan, Suruhanjaya memutuskan bahawa aduan tidak termasuk di dalam ruang lingkup salah laku yang dinyatakan dalam seksyen 24 Akta 700.

Selain daripada alasan tersebut, aduan juga ditolak setelah Suruhanjaya mempertimbangkan sesuatu aduan berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui siasatan awal oleh Bahagian Operasi. Keadaan ini menunjukkan bahawa kerjasama agensi penguatkuasaan dalam memberikan maklum balas tentang status tindakan siasatan kepada Suruhanjaya banyak membantu kepada penyelesaian sesuatu aduan dengan cepat, tepat dan efisien.

The table above shows the grounds for the rejection of complaints received by the Commission. In 2013, a total of 70 complaints were rejected after preliminary investigation conducted as the Commission found the complaint did not fall within the scope of misconduct under section 24 of the Act.

Apart from the above, some complaints were rejected after the Commission considered the complaints based on information obtained from preliminary investigation by the Operations Division. This shows that the cooperation by the enforcement agencies in providing feedback to the Commission on the status of the investigation has greatly helped in resolving complaints speedily, effectively and efficiently.

Selain itu juga, jumlah aduan yang ditolak atas alasan agensi yang diadukan adalah bukan agensi-agensi seliaan Suruhanjaya juga agak tinggi. Sebagai contoh, aduan-aduan tersebut dibuat terhadap pihak Pengurusan Bangunan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Ini menunjukkan bahawa masih ramai yang masih belum mengetahui bidang kuasa sebenar Suruhanjaya.

(g) Pecahan jumlah aduan yang dirujukkan di bawah seksyen 27(2) dan (3) Akta 700 mengikut tempoh masa tindakan yang diambil oleh agensi-agensi:

TEMPOH MASA TIME PERIOD	JUMLAH TOTAL			
	SPRM MACC	PIHAK BERKUASA TATATERTIB DISCIPLINARY AUTHORITY OF		
		PDRM RMP	KPKT MHLG	JPJ RTD
0-30	2	0	1	0
31-60	0	0	0	0
61-90	0	3	0	0
91-120	0	2	0	0
120-150	0	1	0	0
151-180	0	0	0	0
BELUM MENYAMPAIKAN DAPATAN YET TO CONVEY FINDINGS	13	17	0	1
JUMLAH TOTAL	15	23	1	1

Melihat kepada statistik di atas, jumlah keseluruhan aduan yang dicatatkan iaitu sebanyak 40 adalah berbeza dengan statistik jumlah aduan mengikut keputusan Suruhanjaya kerana terdapat 12 aduan tersebut telah dirujuk kepada kedua-dua pihak PBT dan SPRM. Hal ini adalah kerana aduan berkenaan menzahirkan kedua-dua kesalahan iaitu kesalahan tatatertib dan juga kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

Di dalam kes-kes yang dirujuk kepada PBT agensi penguatkuasaan yang berkenaan dan SPRM, agensi tersebut hendaklah menjalankan penyiasatannya dan menyampaikan dapatan kepada Suruhanjaya dalam masa 30 hari daripada tarikh penerimaan aduan tersebut daripada Suruhanjaya menurut seksyen 27(3) Akta 700. Namun, statistik tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan pihak PBT agensi penguatkuasaan dan SPRM tidak dapat menyelesaikan siasatan dalam tempoh 30 hari seperti yang diperuntukkan di dalam Akta 700.

Apart from this, the number of complaints rejected on the ground that the agency complained against does not fall under the purview of the Commission is also quite high. Examples are complaints made against Building Managements, Local Authorities and the Companies Commission of Malaysia. This shows that there are still many who do not know the actual jurisdiction of the Commission.

(g) The breakdown of complaints referred to agencies under section 27(2) and (3) of the Act according to the time period taken for action by such agencies:

Looking at the above statistics, the total number of complaints recorded, i.e. 40, differs from the number of complaints according to decision by the Commission as 12 of the said complaints were referred to both Disciplinary Authorities and the MACC. This is because the complaints disclosed two offences, i.e. a disciplinary offence as well as an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].

In the cases referred to the Disciplinary Authorities of enforcement agencies and the MACC, the agency concerned shall conduct its investigation and submit the findings to the Commission within 30 days from the date of receipt of such complaint from the Commission pursuant to section 27(3) of Act 700. Nonetheless, the said statistics show that most of the Disciplinary Authorities of the enforcement agencies and MACC were unable to complete their investigations within 30 days as provided for under the Act.

(h) Pecahan jumlah aduan yang dirujukkan di bawah seksyen 27(2) dan (3) Akta 700 mengikut jenis dapatan:

(h) The breakdown of complaints referred to agencies under section 27(2) and (3) of the Act according to the type of finding by such agencies:

JENIS DAPATAN TYPE OF FINDING	JUMLAH TOTAL			
	SPRM MACC	PIHAK BERKUASA TATATERTIB DISCIPLINARY AUTHORITY OF		
		PDRM RMP	KPKT MHLG	JPJ RTD
Aduan Tidak Berasas / Maklumat Tidak Mencukupi <i>Complaint is Not Substantiated / Insufficient Information</i>	2	3	0	0
Tindakan Tatatertib telah diambil di Bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)1993 <i>Disciplinary action has been taken under Public Officer (Conduct and Discipline) Regulations 1993</i>	0	1	1	0
Pegawai Diadukan telah diberi Surat Teguran <i>Warning Letter has been Issued to the Officer Concerned</i>	0	2	0	0
Belum Menyampaikan Dapatan <i>Yet to Convey Findings</i>	13	17	0	1
JUMLAH TOTAL	15	23	1	1

Dapat dilihat daripada jadual di atas bahawa daripada jumlah 40 aduan yang dirujukkan hanya sembilan (9) aduan telah diambil tindakan manakala Suruhanjaya masih belum menerima apa-apa maklum balas bagi aduan yang selebihnya.

Suruhanjaya percaya ini adalah kerana kesukaran untuk mematuhi peruntukan yang menghendaki dapatan diberikan dalam tempoh masa 30 hari. Hal ini kerana di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, terdapat tempoh masa yang perlu dipatuhi bagi setiap prosedur tatatertib.

It can be observed from the table above that out of the 40 complaints referred to only nine (9) were acted upon while the Commission have yet to received any feedback on the remaining complaints.

The Commission believes that it is due to the difficulty to comply with the provision that requires the findings to be submitted within 30 days. This is because under the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993, there is a time frame to be complied with for each disciplinary procedure.

(i) Pecahan jumlah siasatan penuh Suruhanjaya mengikut bulan:

(i) *The breakdown of full investigations by the Commission according to month:*

BULAN MONTH	JUMLAH TOTAL
JANUARI JANUARY	27
FEBRUARI FEBRUARY	0
MAC MARCH	22
APRIL APRIL	6
MEI MAY	9
JUN JUNE	0
JULAI JULY	0
OGOS AUGUST	0
SEPTEMBER SEPTEMBER	0
OKTOBER OCTOBER	10
NOVEMBER NOVEMBER	0
DISEMBER DECEMBER	0
JUMLAH TOTAL	74

(j) Pecahan jumlah siasatan penuh mengikut negeri:

(j) *The breakdown of full investigations according to state:*

NEGERI STATE	JUMLAH TOTAL
KUALA LUMPUR	21
PUTRAJAYA	4
SELANGOR	22
NEGERI SEMBILAN	5
JOHOR	4
PAHANG	1
PERAK	3
KEDAH	5
PULAU PINANG/PENANG	4
LABUAN	0
SABAH	2
TERENGGANU	1
KELANTAN	1
SARAWAK	1
PERLIS	0
MELAKA/MALACCA	0
JUMLAH TOTAL	74

(k) Pecahan jumlah siasatan penuh mengikut agensi penguatkuasaan:

(k) The breakdown of full investigations according to enforcement agency:

AGENSI AGENCY	JUMLAH TOTAL
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NATIONAL ANTI-DRUG AGENCY	0
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA MALAYSIAN MARITIME ENFORCEMENT AGENCY	3
IKATAN RELAWAN RAKYAT MALAYSIA (RELA)	0
JABATAN ALAM SEKITAR DEPARTMENT OF ENVIRONMENT	0
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA	4
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA ROYAL CUSTOMS DEPARTMENT OF MALAYSIA	1
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH	0
JABATAN PENDAFTARAN NEGARA NATIONAL REGISTRATION DEPARTMENT	1
JABATAN PENERBANGAN AWAM CIVIL AVIATION DEPARTMENT	0
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) ROAD TRANSPORT DEPARTMENT (RTD)	1
JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN INDUSTRIAL RELATIONS DEPARTMENT	0
JABATAN PERIKANAN FISHERIES DEPARTMENT	0
JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA DEPARTMENT OF WILDLIFE AND NATIONAL PARKS	0
JABATAN TENAGA KERJA LABOUR DEPARTMENT	1
KEMENTERIAN KESIHATAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) MINISTRY OF HEALTH (ENFORCEMENT DIVISION)	0
KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA (UNIT PENGUATKUASAAN BAHAGIAN PELESENAN) MINISTRY OF TOURISM MALAYSIA (ENFORCEMENT UNIT OF LICENSING DIVISION)	0
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) MINISTRY OF DOMESTIC TRADE, CO-OPERATIVES AND CONSUMERISM (ENFORCEMENT DIVISION)	1
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) (KPKT) MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT (ENFORCEMENT DIVISION) (MHLG)	0
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN COMMERCIAL VEHICLES LICENSING BOARD	0
POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) ROYAL MALAYSIAN POLICE (RMP)	64
* JUMLAH * TOTAL	76

* Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah siasatan penuh yang didaftarkan mengikut bulan kerana terdapat dua (2) siasatan yang melibatkan lebih daripada satu agensi

* The total number shown differs from the number of full investigations according to month as there were two (2) investigations involving more than a single agency.

Aduan terhadap PDRM telah dikenalpasti sebagai aduan yang paling banyak disiasat penuh. Keadaan ini adalah selari dengan jumlah aduan yang paling banyak diterima oleh Suruhanjaya juga terhadap PDRM. Suruhanjaya berpendapat bahawa ia dipengaruhi oleh faktor bahawa PDRM merupakan agensi penguatkuasaan yang paling banyak berurusan dengan orang awam.

(l) Pecahan jumlah siasatan penuh mengikut status siasatan:

STATUS SIASATAN <i>INVESTIGATION STATUS</i>	JUMLAH <i>TOTAL</i>
SELESAI <i>COMPLETED</i>	2
MASIH DALAM SIASATAN <i>IN THE PROGRESS OF INVESTIGATION</i>	137
JUMLAH <i>TOTAL</i>	139

* Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah siasatan penuh yang didaftarkan kerana terdapat 63 siasatan belum selesai yang dibawa daripada tahun 2012

Complaints against the RMP have been identified as the highest number of complaints that have been initiated full investigation. This corresponds to the fact that the highest number of complaints received by the Commission was against the RMP. The Commission is opined that this is due to the fact that the RMP as an enforcement agency has the most dealings with the public.

(l) The breakdown of full investigations according to its status:

** The total number shown differs from the number of full investigations registered as there were 63 cases brought forward from 2012.*

Daripada 137 kes yang dikategorikan sebagai "masih dalam siasatan", terdapat 78 kes yang telah selesai siasatan. Namun, ianya belum dibentangkan kepada Suruhanjaya. Aduan-aduan tersebut akan dibawa untuk pertimbangan dan keputusan Suruhanjaya pada bulan Januari 2014.

Manakala bagi dua (2) kes yang telah selesai siasatan penuh, ianya telah diputuskan oleh Suruhanjaya bahawa salah laku yang diadukan itu tidak disahkan di bawah seksyen 30(1)(a) Akta 700.

Out of the 137 cases categorised as "in the progress of investigation", a total of 78 investigations have been completed its investigations. However, these cases are yet to be tabled to the Commission. The said complaints will be brought for consideration and decision by the Commission in January 2014.

Whereas the two (2) cases which were completed its full investigation, the Commission found that the misconduct complained of is not substantiated under section 30(1)(a) of the Act.



MENARA
USAHAWAN

PROMOSI DAN HUBUNGAN LUAR

PROMOTIONS
AND PUBLICITY



www

Suruhanjaya Integriti menerusi fungsinya di bawah seksyen 4(1)(e) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], iaitu untuk menggalakkan kesedaran tentang penambahbaikan dan pendidikan berhubung dengan integriti di dalam sesuatu agensi penguatkuasaan seterusnya mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa telah menganjurkan pelbagai aktiviti serta program bagi menggalakkan kesedaran bukan sahaja kepada agensi penguatkuasaan dan juga pegawai penguat kuasa tetapi juga kepada orang awam secara amnya.

The Integrity Commission through its functions under section 4(1)(e) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [*Act 700*], i.e. to promote awareness of enhancements and educating enforcement agencies about integrity as well as to reduce misconduct among enforcement officers, has organised various activities and programmes to promote awareness not only among enforcement agencies and their officers but also the general public.





Program-program promosi dan hubungan luar yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2013 termasuklah:

HUBUNGAN DENGAN AGENSI

CERAMAH MENGIMARAHKAN RAMADHAN KEPADA PEGAWAI & KAKITANGAN AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN DI BAWAH SELIAAN SURUHANJAYA

Sempena mengimarahkan bulan Ramadhan pada tahun ini, Suruhanjaya telah menganjurkan ceramah khas pada 24 Julai kepada pegawai dan kakitangan agensi-agensi penguatkuasaan yang terletak di bawah seliaan Suruhanjaya serta agensi/jabatan Kerajaan lain yang terletak di sekitar Putrajaya.

Ceramah bertajuk "Penghayatan Integriti dan Nuzul Al-Quran" telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Ahli Panel Kajian Akidah dan Syariah, JAKIM.

Forum ini adalah sebahagian daripada aktiviti pengisian dan perkongsian ilmu di bulan yang mulia di samping mengeratkan jalinan hubungan antara Suruhanjaya ini bersama pegawai dan kakitangan agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

Promotion and publicity programmes organised by the Commission throughout 2013 are, inter alia:

RAPPORT WITH AGENCIES

TALK TO INSTIL THE SPIRIT OF RAMADAN AMONG OFFICERS & STAFF OF ENFORCEMENT AGENCIES UNDER THE PURVIEW OF THE COMMISSION

In order to instil the spirit of Ramadan this year, the Commission organised a special talk on 24 July for officers and staff of enforcement agencies under its purview as well as other Government agencies / departments located around Putrajaya.

The talk titled "Appreciation of Integrity and Nuzul Quran" was presented by the guest speaker, Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, a Panel Member of "Kajian Akidah dan Syariah" of JAKIM.

This forum was a part of knowledge infusing and sharing activity during the holy month of Ramadan to foster relations between the Commission and the officers and staff of related enforcement agencies.

HUBUNGAN DENGAN MEDIA

Temu bual yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

BIL. NO.	TAJUK TITLE	TARIKH/TEMPAT DATE/PLACE
1.	Temu Bual Rancangan Selamat Pagi Malaysia TV1 bersama Setiausaha Suruhanjaya <i>Interview with the Commission Secretary on TV1's Good Morning Malaysia</i>	16 Mei <i>May</i> Angkasapuri, Kuala Lumpur
2.	Temu Bual Secara Langsung Rancangan Dialog TV1 bersama Pengerusi Suruhanjaya <i>Live telecast of interview with Commission Secretary on TV1's dialogue programme</i>	29 Mei <i>May</i> Angkasapuri, Kuala Lumpur
3.	Temu Bual The Malaysian Insider bersama Setiausaha Suruhanjaya <i>Commission Secretary's interview by the Malaysian Insider</i>	3 Jun <i>June</i> Putrajaya
4.	Temu Bual Makkal Osai bersama Setiausaha Suruhanjaya <i>Commission Secretary's interview by Makkal Osai</i>	4 Jun <i>June</i> Putrajaya

MEDIA RELATIONS

Interviews carried out throughout 2013 are as follows:

Sidang media yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

Press conferences held throughout 2013 are as follows:

BIL. NO.	TAJUK TITLE	TARIKH/TEMPAT DATE/PLACE
1.	Konvensyen Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2013 <i>Enforcement Agency Integrity Commission Convention 2013</i>	20 Mei <i>May</i> Putrajaya
2.	Kenyataan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Berkenaan Kes Kematian dalam Tahanan PDRM <i>Statement by the Enforcement Agency Integrity Commission on Deaths in Police Custody</i>	5 Jun <i>June</i> Putrajaya
3.	Pengumuman Ahli-Ahli Pasukan Petugas Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Berhubung Kes Kematian N. Dharmendran dan R. James Ramesh di dalam Tahanan PDRM <i>Announcement by Enforcement Agency Integrity Commission's Task Force on Deaths in Police Custody of N. Dharmendran and R. James Ramesh</i>	11 Jun <i>June</i> Putrajaya
4.	Dialog Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) <i>Dialogue by Enforcement Agency Integrity Commission for East Coast Zone (Kelantan, Terengganu and Pahang)</i>	26 September Kuantan, Pahang
5.	Dialog Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Zon Sabah <i>Dialogue by Enforcement Agency Integrity Commission for Sabah Zone</i>	11 Disember <i>December</i> Kota Kinabalu, Sabah





AKTIVITI BERSAMA MASYARAKAT

Sempena sambutan Hari Malaysia Ke-50, Suruhanjaya ini telah menjalankan aktiviti publisiti bertemakan "Sepagi Bersama Kota Kinabalu" pada 15 September 2013 bertempat di dua (2) lokasi iaitu Pasar Ahad Jalan Gaya dan Padang Merdeka.

Suruhanjaya ini turut diberi peluang untuk mengadakan pameran sepanjang program "Larian Patriotik, Sihat Dan Cergas" sempena 50 Tahun Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah. Program anjuran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Kementerian Belia Dan Sukan Sabah dengan kerjasama Jabatan Belia Dan Sukan (Persekutuan) menjadi suatu platform untuk Suruhanjaya ini memberi pendedahan dan penerangan kepada kira-kira tiga (3) ribu orang awam yang hadir mengenai latar belakang serta fungsi Suruhanjaya ini.

Pada masa yang sama, Suruhanjaya ini juga diberi kelulusan oleh DBKK untuk menjalankan aktiviti publisiti di Pasar Ahad Jalan Gaya (Gaya Street). Lokasi tersebut dipilih kerana ianya merupakan tumpuan orang ramai pada hari Ahad di kalangan penduduk tempatan serta pelancong. Sasaran Suruhanjaya bukan sahaja ke atas mereka yang melawati Pasar Ahad tersebut malah juga peniaga-peniaga yang berada di situ.

Menerusi aktiviti ini, Suruhanjaya telah mengedarkan kira-kira dua (2) ribu risalah Suruhanjaya berserta bahan-bahan promosi kepada orang awam.

JOINT COMMUNITY ACTIVITIES

In conjunction with the 50th Malaysia Day, the Commission carried out a publicity activity with the theme "A Morning with Kota Kinabalu" on 15 September 2013 at two (2) locations, i.e. Gaya Street Sunday Market and Padang Merdeka.

The Commission was also given the opportunity to hold an exhibition during the programme of, "Patriotic Run, Healthy and Active" in conjunction with the "50 Tahun Sabah Maju Jaya Dalam Malaysia" at the Padang Merdeka, Kota Kinabalu, Sabah. The programme organised by the Kota Kinabalu City Hall (DBKK) and the Sabah Ministry of Youth and Sports in collaboration with the Youth and Sports Department (Federal) formed a platform for the Commission to provide exposure and enlightenment on the background and functions of the Commission to about three (3) thousand members of the public present.

At the same time, the Commission was granted permission by DBKK to carry out a publicity campaign at the Gaya Street Sunday market. This location was chosen because it attracts a huge crowd, either locals or tourists, on Sunday. The Commission targeted not only visitors to the Sunday Market but the traders there as well.

Through these activities, the Commission distributed approximately two (2) thousand leaflets together with other publicity materials to the public.

PENDIDIKAN

Selaras dengan fungsi di bawah seksyen 4(1)(e) Akta 700, Suruhanjaya ini sentiasa komited untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan menggalakkan kesedaran melalui pendidikan berhubung integriti. Pendidikan yang berterusan membantu menyemai sifat integriti bagi sama-sama membanteras salah laku. Kumpulan yang disasarkan bukan sahaja tertumpu kepada agensi penguatkuasaan malah pegawai daripada agensi lain turut diberi perhatian. Seminar/Taklimat yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai Suruhanjaya ini adalah seperti berikut:

EDUCATION

In accordance with its functions under section 4(1)(e) of Act 700, the Commission is always committed to share knowledge and to promote awareness through education on integrity. Continuous education helps to inculcate integrity to jointly combat misconduct. The target groups are not only enforcement agencies but also officers from other agencies as well. Seminars/Briefings were given by officers of the Commission as follows:



BIL. NO.	TAJUK SEMINAR / TITLE OF SEMINAR / BRIEFING	PEGAWAI OFFICER	TARIKH / ANJURAN DATE / ORGANISER	TUJUAN OBJECTIVE	MAKLUM BALAS FEEDBACK	CADANGAN SUGGESTION
1.	Fungsi dan Tanggungjawab Suruhanjaya Integriti Agensi <i>Functions and Responsibilities of Enforcement Agency Integrity Commission</i>	Eda Mazuin Binti Abdul Rahman, Penasihat Undang-Undang <i>Legal Advisor</i>	19 April / Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) 19 April / Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (KPDNKK)	Memberi penerangan mengenai fungsi Suruhanjaya Integriti kepada pegawai-pegawai penguat kuasa KPDNKK dari negeri-negeri dan sekitar Lembah Klang. <i>Provide explanation on the functions of the Integrity Commission to KPDNKK enforcement officers from states and around the Klang Valley</i>	Kebanyakan peserta masih belum sedar sepenuhnya fungsi dan mandat sebenar Suruhanjaya. <i>Majority of the participants were still not fully aware of the actual functions and mandate of the Commission.</i>	Lebih banyak ceramah pengenalan berkenaan fungsi dan peranan Suruhanjaya perlu dipergiatkan di kalangan pegawai penguat kuasa KPDNKK. <i>More introductory talks on the functions and role of the Commission should be intensified among KPDNKK enforcement officers.</i>
2.	Taklimat Mengenai Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Kepada Pengurusan Tertinggi KPDNKK <i>Briefing on Enforcement Agency Integrity Commission to the Top Management of KPDNKK</i>	Siti Rafidah Zainuddin, Timbalan Pengarah Bahagian Operasi dan Jasliza Jamil, Pegawai Komunikasi Korporat Siti Rafidah Zainuddin, Deputy Director of Operations Division and Jasliza Jamil, Corporate Communication Officer	5 September / Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) 5 September / Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism (KPDNKK)	Untuk memberi penerangan mengenai objektif penubuhan, fungsi dan tanggungjawab Suruhanjaya kepada ahli-ahli KPDNKK. <i>To give an introduction on the objectives of establishment, functions and responsibilities of the Commission to the top management of KPDNKK</i>	Objektif penubuhan dan peranan Suruhanjaya disambut baik. Terdapat pertanyaan berkenaan prosedur siasatan iaitu sama ada Suruhanjaya akan terus memantau Bahagian / Unit Taterterbil agensi tersebut setelah sesuatu aduan dirujukkan. Dimaklumkan bahawa berdasarkan seksyen 30 (2), Pihak Berkuasa Taterterbil itu hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya mengenai tindakannya dan alasan mengenai keputusannya dalam masa empat belas hari (14) dari tarikh penerimaan dapatan dan syor Suruhanjaya ini. <i>The talk on the objectives of establishment and role of the Commission was well received. There were questions on the investigation procedure, i.e. whether the Commission would continue to monitor the Disciplinary Section / Unit of the agency after a complaint was referred. It was stated that pursuant to section 30 (2), the Disciplinary Authority must inform the Commission of its action and the grounds of decision within fourteen (14) days of receipt of the findings and recommendations of the Commission.</i>	Dicadangkan supaya Bahagian Operasi Suruhanjaya menjalankan lawatan kerja ke Bahagian Penguatkuasaan KPDNKK untuk mendapatkan maklum balas berkenaan aduan salah laku pegawai penguat kuasa yang dilaporkan kepada Suruhanjaya dan membincangkan usaha serta kerjasama kedua-dua pihak dalam membanteras salah laku dan meningkatkan mutu integriti. <i>It was proposed that the Commission's Operations Division make a collaboration visit to the Enforcement Division of KPDNKK to obtain feedback on complaints of misconduct by enforcement officers received by the Commission and discuss the efforts and cooperation of both parties in combating misconduct and to enhance integrity level.</i>

BIL. NO.	TAJUK SEMINAR / TAKLIMAT / SEMINAR / BRIEFING	PEGAWAI OFFICER	TARIKH / ANJURAN DATE / ORGANISER	TUJUAN OBJECTIVE	MAKLUM BALAS FEEDBACK	CADANGAN SUGGESTION
3.	Integriti Dalam Penguatkuasaan <i>Integrity from the Perspective of Enforcement</i>	Ahmad Razif Mohd Sidek, Pengarah Bahagian Operasi <i>Director of Operations Division</i>	5 Oktober / Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Johor <i>5 October / Immigration Department of Malaysia, Johor</i>	Memberi kesedaran kepada semua Pegawai Imigresen Negeri Johor mengenai pentingnya mempunyai integriti dalam menjalankan tugas. Para peserta juga didedahkan dengan integriti dari perspektif Islam oleh wakil Jabatan Agama Islam Johor dan ceramah iceramah umum integriti oleh Institut integriti Malaysia. Manakala ceramah daripada Suruhanjaya pula berkisar mengenai salah laku di bawah Akta 700 iaitu "Integriti Dalam Perspektif Penguatkuasaan". <i>To create awareness among the Johor Immigration Officers of the importance of integrity in discharging of their duties. The participants were also briefed on integrity from the Johor Islamic perspective by the Johor Islamic Religious Department representative; and talks on integrity in general by speakers from the Malaysian Institute of Integrity. Meanwhile the talk by the Commission focused on misconduct under Act 700, i.e. "Integrity from the Enforcement Perspective".</i>	Peserta berminat untuk memahami apakah yang dikatakan sebagai salah laku di bawah Akta 700. Beberapa pertanyaan telah dikemukakan berhubung dengan maksud salah laku serta perbezaan di antara tugas Suruhanjaya dengan SPRM dan bagaimana kaedah Suruhanjaya menerima serta mengendalikannya. Rata-rata peserta berpandangan bahawa taklimat ini perlu diperluaskan lagi kerana pemahaman mereka berkaitan dengan Akta 700 adalah kurang. <i>Participants were interested in understanding what constitutes misconduct under Act 700. Several questions were asked on the meaning of misconduct as well as the difference in duties between the Commission and the MACC and the Commission's methodology in receiving and handling complaints. Majority of the participants were of the view that there should be more of such briefing as they were lacked of understanding of Act 700.</i>	Dicadangkan agar Akta 700 ini diperkenalkan di Institut Latihan Imigresen bagi membolehkan para Pegawai Imigresen didedahkan dengan lebih awal berkaitan dengan Akta 700 ini. <i>It was proposed that Act 700 be introduced in the Immigration Training Institute to expose Immigration Officers to Act 700 at an earlier stage.</i>

BIL. NO.	TAJUK SEMINAR / TAKLIMAT / TITLE OF SEMINAR / BRIEFING	PEGAWAI OFFICER	TARIKH / ANJURAN DATE / ORGANISER	TUJUAN OBJECTIVE	MAKLUM BALAS FEEDBACK	CADANGAN SUGGESTION
4.	Pemantapan Integriti <i>Integrity Enhancement</i>	Foo Hui Yi, Pegarah Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi <i>Director of Policy, Research and Innovation Division</i>	17 Oktober / Jabatan Pelajaran W.P. Kuala Lumpur (JPWPKL) <i>17 October / Education Department Federal Territory of Kuala Lumpur</i>	Untuk menyampaikan maklumat mengenai Suruhanjaya kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Pelajaran. <i>To disseminate information of the Commission to officers and staff of the Education Department.</i>	Daripada maklum balas yang diterima, didapati ramai yang masih tidak mengetahui kewujudan Suruhanjaya ini. <i>From the feedback received, it appeared many were still not aware about the Commission.</i>	Telah memaklumkan kepada Urus Setia Taklimat agar jemputan kepada Suruhanjaya patut digiatkan sebagai salah satu cara promosi Suruhanjaya. <i>It was conveyed to The Briefing's Secretariat that invitations to the Commission should be made more frequent to promote the Commission.</i>
5.	Pemantapan Penyediaan Maklum Balas Aduan <i>Enhancing Preparation for Feedback on Complaints</i>	Ahmad Razif Mohd Sidek, Pegarah Bahagian Operasi <i>Director of Operations Division</i>	24 Oktober / Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) <i>24 October / Ministry of Education</i>	Memberi penerangan mengenai prosedur pengendalian aduan oleh Suruhanjaya bagi membantu Kementerian mengadakan satu Modul Pengurusan Aduan yang berkesan. <i>To explain the procedure for handling complaints adopted by the Commission in order to assist the Ministry to put in place an effective Complaints Management Module.</i>	Peserta bertanya mengenai perbezaan di antara tugas Suruhanjaya dengan SPRM. Beberapa pertanyaan telah dikemukakan berhubung dengan pengadu yang bermasalah dan bagaimana Suruhanjaya menerima serta mengendalikannya aduan oleh pengadu yang bermasalah. Melalui pengenalan Akta 700 kepada peserta, terdapat cadangan daripada peserta bahawa ceramah integriti ini patut diadakan dengan lebih kerap. <i>Participants wanted to know the differences in duties between the Commission and MACC. Several questions were posed on problematic complainants and how the Commission received and handled such complaints. Following the introduction of Act 700, there were suggestions from the participants that integrity talks be held more frequently.</i>	Memandangkan Kementerian Pendidikan Malaysia bukanlah suatu Agensi Penguatkuasaan, Suruhanjaya akan mencadangkan agar ceramah integriti ini dijalankan oleh IIM. <i>As the Ministry of Education is not an enforcement agency, the Commission will propose that the integrity talks be delivered by IIM.</i>

BIL. NO.	TAJUK SEMINAR / TAKLIMAT / TITLE OF SEMINAR / BRIEFING	PEGAWAI OFFICER	TARIKH / ANJURAN DATE / ORGANISER	TUJUAN OBJECTIVE	MAKLUM BALAS FEEDBACK	CADANGAN SUGGESTION
6.	Keperntingan kepada Agensi Penguatkuasaan <i>The Importance of Integrity to Enforcement Agencies</i>	Eda Mazuin Binti Abdul Rahman, Penasihat Undang-Undang <i>Legal Advisor</i>	12 November / Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) 12 November / Judicial and Legal Training Institute (ILKAP)	Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta mengenai undang-undang kecuatan agensi penguat kuasa dan mendedahkan peserta kursus kepada cabaran dan isu-isu berkaitan kecuatan agensi penguat kuasa. <i>To enhance the knowledge and skill of participants pertaining to negligence law by enforcement agencies and to expose participants to the challenges and issues relating to negligence by enforcement agencies.</i>	Pertanyaan yang diterima daripada peserta menunjukkan masih kurangnya kesedaran mengenai peranan Suruhanjaya secara amnya. <i>Inquiries received from participants indicated a lack of awareness about the role of the Commission in general.</i>	Suruhanjaya perlu mencari lebih banyak ruang latihan sebegini untuk menyebarkan maklumat berkenaan fungsi dan peranan Suruhanjaya. <i>The Commission must seek out more opportunities for such training to disseminate information on the functions and role of the Commission.</i>
7.	Pengenalan kepada Suruhanjaya Integrati Agensi Penguatkuasaan: Peranan & Fungsi <i>Introduction to Enforcement Agency Integrity Commission: Roles & Functions</i>	Encik Idham Hj. Abdul Ghani, Setiausaha <i>Secretary</i>	18 November / Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur 18 November / Kuala Lumpur Royal Malaysian Police College	Ceramah ini diadakan oleh Maktab Polis Diraja Malaysia Kuala Lumpur sempena Kursus Asas Siasatan Jenayah Komersil Siri 2/2013 adalah untuk pengenalan kepada Suruhanjaya Integrati Agensi Penguatkuasaan serta menerangkan dengan lebih terperinci berkenaan dengan peranan dan fungsi Suruhanjaya. Kursus ini diadakan dengan kehadiran 25 orang pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas dan mereka daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil. <i>This talk was organised by the Kuala Lumpur Royal Malaysian Police College in conjunction with the Basic Commercial Crimes Investigation Course Series 2/2013 as an introduction to the Enforcement Agency Integrity Commission and to explain in more detail its role and functions.</i> <i>The course was conducted for 25 police officers with rank of Inspector and above as well as officers from the Commercial Criminal Investigation Department.</i>	Apakah tindakan Suruhanjaya terhadap pengadu yang membuat aduan dan didapati aduan tersebut tidak benar terhadap anggota polis yang berkaitan. Adakah Suruhanjaya menyasiat sesuatu aduan itu terlebih dahulu sebelum memanggil anggota polis untuk dirakam percakapan mereka. Kes aduan terhadap mereka yang diadu, akan menjejaskan kenaikan pangkat walaupun aduan itu kemudiannya didapati tidak benar. Kes-kes jenayah perdagangan biasanya mengambil masa untuk disiasat. <i>What action would the Commission take against a complainant whose complaint against a police officer was subsequently found to be untrue.</i> <i>Does the Commission investigate the complaint first before summoning the police officer concerned to record his statement.</i> <i>A complaint against an officer will affect his promotion even though the complaint is later found to be untrue.</i> <i>Commercial crime investigations usually take time.</i>	Dicadangkan agar Akta 700 serta peranan dan fungsi Suruhanjaya ini diperkenalkan di Maktab-Maktab Polis Diraja Malaysia bagi membolehkan para pegawai Polis didedahkan dengan lebih awal perkara-perkara yang berkaitan dengan Akta 700 dan Suruhanjaya ini. <i>It is proposed that Act 700 and the role and functions of the Commission be introduced at the various Royal Malaysian Police Colleges to enable police officers to be exposed much earlier to matters relating to the Act and the Commission.</i>

BIL. NO.	TAJUK SEMINAR / TAKLIMAT / TITLE OF SEMINAR / BRIEFING	PEGAWAI OFFICER	TARIKH / ANJURAN DATE / ORGANISER	TUJUAN OBJECTIVE	MAKLUM BALAS FEEDBACK	CADANGAN SUGGESTION
8.	Pengenalan Kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan: Peranan & Fungsi <i>Introduction to the Enforcement Agency Integrity Commission: Role & Functions</i>	Siti Rafidah Zainuddin, Timbalan Pengarah Bahagian Operasi <i>Deputy Director of Operations Division</i>	3 Disember / Jabatan Perdana Menteri (JPM) <i>3 December / Prime Minister's Department</i>	Untuk memperkenalkan secara ringkas kepada pelajar universiti yang membuat lawatan ke JPM tentang maklumat berkenaan Suruhanjaya ini. <i>To give a brief introduction about the Commission to university students visiting the Prime Minister's Department.</i>	Para pelajar menunjukkan minat untuk mengetahui sistem pengurusan aduan di Suruhanjaya ini terutamanya tempoh masa yang dilambail oleh Suruhanjaya untuk menyelesaikan sesuatu aduan. <i>The students showed interest in the Commission's complaint management system in particular the time taken by the Commission to resolve complaints.</i>	<p>Telah dimaklumkan kepada Pegawai Perhubungan JPM yang bertugas agar menjemput pihak Suruhanjaya pada masa akan datang untuk memberikan taklimat kepada pelawat-pelawat kegiatannya memperkenalkan lagi Suruhanjaya kepada mereka. Turut dipohon agar Suruhanjaya dibenarkan untuk membuka "booth" atau ruang pameran pada hari pelantikan JPM pada masa akan datang.</p> <p><i>It was conveyed to the Liaison Officer from the Prime Minister's Department on duty to invite the Commission in the near future to brief visitors in order to introduce the Commission to them. It was also requested that the Commission be allowed to have a booth or be allotted exhibition space within the Prime Minister's Department's Open Day.</i></p>
9.	Taklimat Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan <i>Briefing by the Enforcement Agency Integrity Commission</i>	Puan Eda Mazuin Binti Abdul Rahman, Penasihat Undang-Undang <i>Legal Advisor</i>	17 Disember / Jabatan Alam Sekitar <i>17 December / Department of Environment (DOE)</i>	Untuk memperkenalkan fungsi dan peranan Suruhanjaya kepada Pengarah-pengarah Bahagian dan Negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS). <i>To introduce the functions and role of the Commission to the Division and State Directors of the Department of Environment.</i>	Kebanyakan Pengarah-pengarah lebih berminat terhadap proses dan peringkat-peringkat pengurusan sesuatu aduan di Suruhanjaya ini. <i>Most of the Directors were more interested in the processes and the levels of complaints management in this Commission.</i>	<p>Ceramah pengenalan berkenaan fungsi dan peranan Suruhanjaya perlu dipergiatkan di kalangan pegawai penguat kuasa memandangkan pegawai penguat kuasa JAS juga ditempatkan di cawangan-cawangan seluruh negeri.</p> <p><i>Introductory talks on the functions and roles of the Commission should be intensified among enforcement officers as the DOE enforcement officers are stationed at various branches at state.</i></p>

Secara keseluruhannya, maklum balas yang diperolehi daripada peserta-peserta taklimat / seminar tersebut adalah kebanyakan mereka menyambut baik objektif penubuhan dan peranan Suruhanjaya ini. Peserta-peserta menunjukkan minat terhadap prosedur pengurusan aduan dan siasatan Suruhanjaya.

Melalui taklimat / seminar ini, sesi perkongsian ilmu pengetahuan boleh dilakukan. Oleh yang demikian, Suruhanjaya ini menyambut baik jemputan-jemputan sebegini bagi membolehkan maklumat berkenaan Suruhanjaya disampaikan ke setiap lapisan masyarakat di Negara ini.

PENERBITAN VIDEO KORPORAT

Suruhanjaya telah menerbitkan video korporat pada tahun ini. Tujuan utama adalah untuk digunakan sebagai branding tools dalam memberikan penerangan berkenaan peranan dan fungsi Suruhanjaya dalam aktiviti-aktiviti promosi dan publisiti Suruhanjaya. Video ini diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris selama tempoh empat (4) minit.

PAMERAN PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Suruhanjaya telah menganjurkan Pameran Pendidikan dan Kesedaran pada 26 dan 27 November 2013 di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya (PICC) bersempena dengan Program "National Law Conference" yang dianjurkan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).

Objektif utama pameran ini adalah untuk menyebarkan maklumat asas berkenaan latar belakang dan fungsi Suruhanjaya di samping mewujudkan kesedaran mengenai objektif penubuhan Suruhanjaya ini kepada orang awam terutama di kalangan peserta Persidangan.

Dianggarkan pameran tersebut telah dikunjungi oleh kira-kira 300 peserta iaitu di kalangan Pegawai Undang-undang Kerajaan, Ahli-ahli Kehakiman, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Perunding Undang-Undang, Ahli Akademik dan orang ramai. Turut sama dalam penganjuran pameran adalah agensi-agensi berkaitan perundangan dan memberikan khidmat kepada orang awam iaitu Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan Jabatan Imigresen Malaysia.

On the whole, majority of the participants at the briefings / seminars responded warmly to the objectives of the Commission's establishment and its role. They expressed interest in the Commission's complaints management procedure and investigation.

As knowledge can be shared through these briefings / seminars, the Commission welcomes such invitations as these can help disseminate information about the Commission to all levels of society in this Country.

PRODUCTION OF THE CORPORATE VIDEO

This year, the Commission manage to produce its corporate video. The main purpose is to use it as a branding tool in providing information on the role and functions of the Commission in its promotional and publicity activities. This video was produced in Malaysian as well as English language and for the duration of four (4) minutes.

EDUCATION AND AWARENESS EXHIBITION

The Commission organised an Education and Awareness Exhibition on 26 and 27 November 2013 at the Putrajaya International Convention Centre (PICC) in conjunction with the "National Law Conference" organised by the Judicial and Legal Training Institute (ILKAP).

The main objective of this exhibition was to disseminate basic information on the roles and functions of the Commission and to create awareness about the objectives of the Commission among the public, in particular the participants of the Conference.

The exhibition was attended by roughly 300 participants comprising Government Legal Officers, Members of Judiciary, Non-Governmental Organisations, Legal Consultants, Academicians and the public. The legislative and public service related agencies such as the Ministry of Home Affairs, Royal Malaysian Police, RELA, National Registration Department, Civil Defence Department, Road Safety Department and Immigration Department of Malaysia also participated in the exhibition.



PENTADBIRAN

ADMINISTRATION

Pentadbiran Suruhanjaya ini dianggotai oleh Setiausaha yang dilantik oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 13 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700]. Jawatan Setiausaha Suruhanjaya kini disandang oleh Encik Idham Bin Haji Abdul Ghani yang dilantik secara pinjaman daripada Jabatan Peguam Negara. Beliau menggantikan Cik Nor Afizah Hanum Mokhtar mulai 1 Julai 2013 selepas Cik Nor Afizah Hanum Mokhtar bertukar kembali ke Jabatan Peguam Negara.

By virtue of section 13 of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700], the Commission is empowered to appoint a Secretary to manage its administration matters. The post is currently held by Mr. Idham Bin Haji Abdul Ghani, who was appointed on secondment from the Attorney General's Chambers. He was appointed from 1 July 2013 replacing Miss Nor Afizah Hanum Mokhtar after she was transferred back to the Attorney General's Chambers.





PERJAWATAN

Menyedari keperluan mendesak bagi pertambahan perjawatan, beberapa siri mesyuarat telah diadakan oleh Suruhanjaya ini bersama pihak Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tujuan tersebut. Susulan daripada itu, Suruhanjaya ini telah mengemukakan permohonan sewajarnya berserta justifikasi permohonan kepada pihak JPA melalui JPM untuk memohon sebanyak 49 perjawatan baru pelbagai skim perkhidmatan dan gred.

Hasilnya, berkuat kuasa 1 Jun 2013, Suruhanjaya telah diluluskan kesemua jawatan yang dipohon iaitu sebanyak 49 perjawatan. Ini adalah pertambahan kepada 29 perjawatan sedia ada dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 78 perjawatan.

Pada 4 Ogos 2013, Suruhanjaya telah mengiklankan kesemua perjawatan baru tersebut di media cetak dan elektronik. Pengisian jawatan tersebut dijalankan secara berperingkat dan dijangka selesai sepenuhnya pada awal tahun 2014.

Ringkasan keseluruhan perjawatan mengikut kumpulan jawatan adalah seperti berikut:

BIL. NO.	KUMPULAN CATEGORY	SEDIA ADA EXISTING	BARU NEW
1.	Pengurusan Tertinggi <i>Top Management</i>	1	0
2.	Pengurusan dan Profesional <i>Management and Professional</i>	15	23
3.	Sokongan <i>Support Group</i>	13	26
Jumlah Keseluruhan TOTAL		29	49

POST

Recognising the urgent need to increase the number of post, a series of meetings was held by the Commission together with the Prime Minister's Department and the Public Services Department (PSD). Following this, the Commission submitted an application together with its justification to the PSD through the Prime Minister's Department for an additional of 49 new post with various schemes of service and grades.

As a result, effective from 1 June 2013, the Commission received approval for all the 49 post applied for. This was an addition to the 29 existing post and thus making it a total number of 78 post.

On 4 August 2013, the Commission advertised all the new post in the printed and electronic media. The post is filled in stages and it is expected to be completed in early 2014.

A summary of the total post according to its category is as follows:



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Dasar Wawasan Negara telah menetapkan matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah Negara maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai matlamat tersebut, Suruhanjaya ini telah memberi penekanan kepada semua aspek pembangunan sumber manusia. Ianya berteraskan kompetensi dan pembelajaran berterusan yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti serta inovasi.

Pada tahun ini, perpustakaan Suruhanjaya telah ditubuhkan di mana Puan Devinderjit Kaur Gill, Penolong Pengarah Kanan Bahagian Operasi, telah dilantik sebagai Pegawai Perpustakaan buat sementara waktu sebelum diambil alih sepenuhnya oleh Bahagian Khidmat Pengurusan. Pelbagai jenis buku telah dikenal pasti melalui lawatan ke beberapa buah syarikat Penerbit termasuklah lawatan ke Pameran Buku di Putra World Trade Centre (PWTC). Hasilnya 740 buah Akta dan 35 buah buku telah dibeli oleh Suruhanjaya. Usaha mengenal pasti dan membeli buku-buku yang bermanfaat masih diteruskan dari semasa ke semasa bagi menggalakkan budaya membaca di kalangan pegawai dan kakitangan Suruhanjaya.

Sepanjang tahun 2013, pegawai dan kakitangan Suruhanjaya telah menghadiri kursus / bengkel anjuran badan Kerajaan atau pihak swasta yang bertauliah dalam mencapai matlamat Dasar Wawasan Negara. Senarai kursus / bengkel yang telah dihadiri adalah seperti berikut:

HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

The National Vision Policy has outlined Malaysia's aim to become a developed country by the year 2020. To achieve these goals, the Commission focused on every aspects of human resource development. It is founded on competency and continuing education designed to promote personal development, mastery of knowledge, skills, creativity as well as innovation.

The Commission has set up its library starting this year. Mrs. Devinderjit Kaur Gill, Senior Assistant Director of the Operations Division was appointed temporarily as the Librarian before the task was shifted back to the Management Division. Various types of books were identified through visits to a number of publishers, including a visit to the Book Fair at the Putra World Trade Centre (PWTC). Following that, 740 Acts and 35 books were purchased by the Commission. The effort to identify and purchase of useful books is ongoing from time to time in order to promote reading culture among the officers and staff of the Commission.

Throughout 2013, the officers and staff of the Commission attended courses / workshops organised by the Government training institute or accredited private bodies in its goal to achieve the National Vision Policy. The list of courses / workshops attended is as follows:

BIL. NO.	NAMA KURSUS / BENGKEL COURSE / WORKSHOP	TARIKH DATE	ANJURAN ORGANISER	SENARAI PESERTA PARTICIPANTS
1.	Program Profesionalisme Pemanduan <i>Professional Driving Programme</i>	16 Januari <i>January</i> - 15 April	Metro Driving Academy	Hairul Azahar Othman
2.	Bengkel Pengemaskinian Waran Perjawatan / Surat Kelulusan Perjawatan Jabatan / Agensi di Dalam Sistem HRMIS <i>Workshop on Updating of the Post Warrant / Approval Letter for Department / Agency in the HRMIS System</i>	14 Jun <i>June</i>	Jabatan Perdana Menteri <i>Prime Minister's Department</i>	i) Raihan Binti Mohd Hashim ii) Zulfadli Bin Abu Bakar iii) Nur Idayu Binti Maruan
3.	Kursus MCTS : Microsoft Exchange Server 2010: Configuring, Managing and Troubleshooting <i>MCTS Course: Microsoft Exchange Server 2010: Configuring, Managing and Troubleshooting</i>	5-7 Jun <i>June</i>	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) <i>National Institute of Public Administration (INTAN)</i>	Zulfadli Bin Abu Bakar
4.	Kursus Protokol dan Etiket Sosial Bil.2/2013 <i>Course on Protocol and Social Etiquette No. 2/2013</i>	2-5 Julai <i>July</i>	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) <i>National Institute of Public Administration (INTAN)</i>	Mohd Hafizzam Bin Hamalad
5.	Kursus Forensic & Anti-Forensic Data Recovery : Tools & Techniques <i>Course on Forensic & Anti-Forensic Data Recovery: Tools & Techniques</i>	23-25 September	Two Sigma Technologies	Hanif Bin Jalal
6.	Kursus Asas Penyiasatan dan Perisikan Untuk Agensi Luar <i>Basic Course on Investigation and Intelligence for External Agencies</i>	7-11 Oktober <i>October</i>	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) <i>Malaysian Anti-Corruption Academy (MACA)</i>	i) Ahmad Razif Bin Mohd Sidek ii) Foo Hui Yi iii) Devinderjit Kaur Gill
7.	Bengkel Diplomasi Awam dan Kemahiran Media <i>Workshop on Public Diplomacy and Media Skills</i>	9-10 Oktober <i>October</i>	Cerna Minda Sdn Bhd	Jasliza Jamil
8.	Seminar Integriti Nasional <i>Seminar on National Integrity</i>	14 November	Institut Integriti Malaysia (IIM) <i>Malaysian Institute of Integrity (IIM)</i>	i) Idham Bin Hj. Abdul Ghani ii) Siti Rafidah Zainuddin iii) Eda Mazuin Binti Abdul Rahman iv) Foo Hui Yi
9.	Kursus Bajet Berasaskan Outcome <i>Course on Outcome Based Budgeting</i>	18-21 November	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) <i>National Institute of Public Administration (INTAN)</i>	i) Idham Bin Hj. Abdul Ghani ii) Mohd. Fared Bin M. Nazri
10.	Kursus Keselamatan ICT: Pengukuhan Operasi dan Rangkaian <i>Course on ICT Security: Enhancement of Operations and Network</i>	18-21 November	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) <i>National Institute of Public Administration (INTAN)</i>	Hanif Bin Jalal
11.	ILKAP National Law Conference 2013: Public Safety and The Law <i>ILKAP National Law Conference 2013: Public Safety and the Law</i>	26-27 November	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) <i>Judiciary and Legal Training Institute (ILKAP)</i>	i) Idham Bin Hj. Abdul Ghani ii) Ahmad Razif Mohd Sidek iii) Foo Hui Yi iv) Devinderjit Kaur Gill v) Jasliza Jamil vi) Abdul Malek Mohamed vii) Rosli Husain

Selain daripada kursus / bengkel anjuran luar, terdapat juga program / aktiviti yang dianjurkan oleh Suruhanjaya melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan dalam memastikan setiap pegawai dan kakitangan dapat melengkapkan diri dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian. Program / aktiviti yang telah dianjurkan oleh Suruhanjaya secara dalaman adalah:

Apart from the external courses / workshops, there were programmes / activities organised by the Commission through human resource development programmes for competency enhancement and continuous learning to ensure all officers and staff are equipped with the appropriate attitude, skills and knowledge. Programmes / activities that have been organised internally by the Commission were:

BIL. NO.	PROGRAM / AKTIVITI PROGRAMME / ACTIVITY	TARIKH DATE	BAHAGIAN PENGANJUR ORGANISER DIVISION	TEMPAT VENUE
1.	Ceramah Pengukuhan Integriti Dalam Konteks Keberkatan Rezeki <i>Talk on Enhancement of Integrity in the Context of Blessings for Sustenance Received</i>	3 Januari <i>January</i>	Keselamatan dan Urus Setia <i>Security and Secretariat</i>	Putrajaya
2.	Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja (Kumpulan 1) <i>Course on Work Procedure Manual and Desk File (Group 1)</i>	29-31 Januari <i>January</i>	BKP & BUU	Putrajaya
3.	Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja (Kumpulan 2) <i>Course on Work Procedure Manual and Desk File (Group 2)</i>	5-7 Mac <i>March</i>	BKP & BUU	Putrajaya
4.	Kursus Induksi Team Building <i>Induction Course and Team Building</i>	8-10 Mac <i>March</i>	BKP	Trolak, Perak
5.	Persidangan Pegawai dan Kakitangan Suruhanjaya <i>Conference for Officers and Staff</i>	13-16 September	Dasar, Penyelidikan dan Inovasi <i>Policy, Research and Innovation</i>	Kota Kinabalu, Sabah





Pada tahun ini, Suruhanjaya telah menganjurkan Persidangan buat pertama kalinya semenjak penubuhan pada tahun 2011. Persidangan tersebut telah diadakan pada 13 hingga 16 September bertempat di Promenade Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Program ini dihadiri oleh 22 orang pegawai dan kakitangan Suruhanjaya. Terdapat tiga (3) sasaran objektif dalaman yang ingin dicapai menerusi Persidangan ini iaitu:

- (a) Untuk menyediakan satu platform bagi para pegawai dan kakitangan untuk saling bertukar idea dalam pelaksanaan tugas masing-masing;
- (b) Untuk memberi pendedahan kepada para pegawai dan kakitangan mengenai pengetahuan dalam pembentukan personaliti yang ideal; dan
- (c) Untuk memupuk kemesraan, perpaduan dan menggalakkan persefahaman di kalangan pegawai dan kakitangan.

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil.1 Tahun 2013 turut diadakan semasa sesi Persidangan ini. Tujuan penubuhan MBJ adalah sebagai sebuah medium dua hala, di mana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Menerusi Mesyuarat tersebut, draf Perlembagaan MBJ berjaya disahkan dan Wakil-wakil Pekerja bagi setiap kumpulan jawatan telah dilantik.

Penceramah daripada Institut Latihan Sektor Awam Negeri Sabah telah dijemput untuk menyampaikan Ceramah Pengurusan Stress dan Ceramah Etiket & Protokol. Di dalam sesi ceramah ini, pegawai dan kakitangan Suruhanjaya diterangkan mengenai prinsip asas pengendalian dan pengurusan stress di tempat kerja serta kehidupan seharian. Selain daripada itu, pegawai dan kakitangan juga diberi pendedahan untuk membentuk tatasusila diri dalam majlis rasmi. Ceramah sebegini adalah penting bagi pegawai dan kakitangan Suruhanjaya ini memandangkan fungsi utama Suruhanjaya mengkehendaki mereka sentiasa berurusan dengan orang awam serta agensi luar

This year, the Commission organised a Conference for the first time since its inception in 2011. The Conference was held from 13 to 16 September at the Promenade Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. It was attended by 22 officers and staff of the Commission. The three (3) objectives to be achieved through the Conference were:

- (a) To provide a platform for officers and staff to exchange ideas in the execution of their respective duties;*
- (b) To provide exposure to the officers and staff on knowledge in forming an ideal personality; and*
- (c) To foster relations, unity and understanding among officers and staff.*

Joint Departmental Council (JDC) No. 1 for the year 2013 was also held during the Conference sessions. The purpose of the JDC is to serve as a bilateral medium where the Employee is given a channel to convey their opinions, views and viable ideas to the Management in the interest and for the betterment of the organisation. Through the Meeting, the draft Constitution of JDC was endorsed and Representatives for each designated category were appointed.

Speaker from the Public Sector Training Institute of Sabah was invited to deliver talks on Stress Management and Etiquette & Protocol. At the session, the officers and staff of the Commission were explained the basic principles of stress management at work and in daily life. In addition, they were given exposure on the proper etiquette in formal occasions. Talks as such are significant for the officers and staff of the Commission as the functions of the Commission constantly require them to deal with the public and external agencies.

KEWANGAN

Peruntukan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM7.7 juta yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, harta modal serta pemberian dan kenaaan bayaran tetap. Peruntukan tersebut bertambah sebanyak 10 peratus berbanding peruntukan yang diberikan bagi tahun 2012 iaitu sebanyak RM7 juta sahaja. Bermula tahun ini, Suruhanjaya telah mengambil alih segala tadbir urus kewangan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) kecuali pembayaran emolumen yang mana akan mula diuruskan oleh Suruhanjaya ini pada awal tahun 2014. Dengan ini, ianya memudahkan proses pembayaran perbelanjaan yang dilakukan oleh Suruhanjaya ini selaras sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang perlu mengurus dan mengawal selia tadbir urus kewangannya sendiri.

MAJILIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Pada 14 September 2013, Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Suruhanjaya telah berjaya ditubuhkan. Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa bagi Pihak Pekerja telah dilaksanakan dan keputusan pemilihan Wakil-wakil Pekerja adalah seperti berikut:

- i) Wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional
 - a) Cik Siti Rafidah Binti Zainuddin
 - b) En. Abdul Malek Bin Mohamed
- ii) Wakil Kumpulan Sokongan I
 - a) En. Hanif Bin Jalal
 - b) Cik Siti Noraishah Binti Kusnan
- iii) Wakil Kumpulan Sokongan II
 - En. Hairul Azahar Bin Othman

Pihak Pekerja sebulat suara memilih untuk melantik En. Hanif Bin Jalal sebagai Pengerusi dan Cik Siti Noraishah Binti Kusnan sebagai Setiausaha bagi mewakili Pihak Pekerja.

Sehubungan itu, Mesyuarat MBJ Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2013 telah diadakan pada 14 Disember 2013. Bidangkuasa dan fungsi MBJ Suruhanjaya ini meliputi semua perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan perjalanan organisasi yang ada hubungkait dengan pentadbiran kecuali yang menyentuh dasar Kerajaan atau hal-hal perseorangan.

Semua ahli-ahli MBJ telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan berkongsi idea dalam mencari penyelesaian terhadap sesuatu isu dan perbincangan tersebut. Ia diharap dapat memupuk hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak terutamanya bagi menumpukan perkara-perkara yang melibatkan masalah bersama.

FINANCE

The Commission received an allocation for 2013 amounted to RM7.7 million which included the expenditure for emoluments, services and supplies, capital assets as well as fixed grants and charges. The allocation was an increase of 10 percent over 2012's allocation which amounted to RM7 million. Beginning this year, the Commission has taken over its financial administration from the Prime Minister's Department except for the payment of emoluments which will be managed by the Commission with effect from early 2014. This would facilitate payment of expenses incurred by the Commission in line with its status as a Federal Statutory Body which need to manage and regulate its own financial governance.

JOINT DEPARTMENTAL COUNCIL (JDC)

On 14 September 2013, the Joint Departmental Council (JDC) of the Commission was established. The appointment of the Committee Members for the Employee was carried out and the Representatives are as follows:

- i) *Representatives for the Management and Professional Group*
 - a) *Ms. Siti Rafidah Binti Zainuddin*
 - b) *Mr. Abdul Malek Bin Mohamed*
- ii) *Representatives for Support Group I*
 - a) *Mr. Hanif Bin Jalal*
 - b) *Ms. Siti Noraishah Binti Kusnan*
- iii) *Representative for Support Group II*
 - Mr. Hairul Azahar Bin Othman*

The Employee unanimously appointed Mr. Hanif Bin Jalal as the Chairman and Ms. Siti Noraishah Binti Kusnan as the Secretary as their representative.

The Commission's JDC Meeting No. 1 of the year 2013 was held on 14 December 2013. Jurisdiction and functions of the JDC encompasses all matters relating to the conditions of service and administrative issues regarding the organisational operations with the exception to matters pertaining to Government policy or personal issues.

All the members of the JDC participated in the discussions and shared ideas to find solutions to the issues discussed. It is hoped that this will foster collaborative relations between both parties in particular where it relates to common problems.

A photograph of two men in business attire standing in front of a modern building. The man on the left is wearing a white shirt and a purple tie, holding a large yellow folder. The man on the right is wearing a red and black plaid shirt and a red tie, gesturing with his hands as if explaining something. The building behind them has a grey facade with large windows and decorative elements.

CABARAN
DAN USAHA
PENAMBAHBAIKAN
CHALLENGES AND
ACTIONS TAKEN



KURANG KEYAKINAN DARIPADA ORANG AWAM

Berdasarkan maklum balas peserta di sesi-sesi Dialog Suruhanjaya bersama Agensi Penguatkuasaan, didapati sebilangan besar orang awam masih belum mengetahui penubuhan dan kewujudan Suruhanjaya ini meskipun setelah hampir tiga (3) tahun Suruhanjaya ini ditubuhkan iaitu semenjak 1 April 2011.

Tambahan usia yang muda Suruhanjaya ini semenjak penubuhannya pada tahun 2011, orang awam masih mempunyai keraguan ke atas keupayaan Suruhanjaya ini untuk menyalurkan aduan salah laku dengan adil dan cekap. Mereka juga merasakan Suruhanjaya ini tidak bersifat bebas dalam menjalankan fungsinya. Segelintir masyarakat beranggapan bahawa penubuhan Suruhanjaya ini hanya suatu agenda politik Kerajaan semata-mata dan tidak yakin bahawa Suruhanjaya ini boleh memperbaiki sistem penguatkuasaan di Negara ini secara keseluruhannya.

Demi mengatasi persepsi negatif sedemikian, Suruhanjaya telah mengambil pendekatan untuk mempergiatkan lagi penyebaran maklumat berkenaan Suruhanjaya ini kepada orang awam. Hal ini adalah bagi mengelakkan orang awam daripada memperoleh maklumat yang tidak tepat mengenai Suruhanjaya ini di samping mempromosikan Suruhanjaya di kalangan mereka yang masih tidak mengetahui kewujudan Suruhanjaya ini.

LACK OF PUBLIC CONFIDENCE

Based on the response from the participants at the Dialogue Sessions organised by the Commission with the Enforcement Agencies, it was observed that majority of the public were unaware of the establishment of the Commission although it had been established for almost three (3) years, i.e. since 1 April 2011.

As the Commission was established only in 2011, the public was still sceptical about its ability to investigate complaints of misconduct in a fair and efficient manner. The public also felt that the Commission was not independent in carrying out its functions. Some quarters were of the opinion that the establishment of the Commission was merely a political agenda by the Government and hence they had no confidence that it would improve the enforcement system in this country as a whole.

In order to overcome such negative perceptions, the Commission had intensified its function to disseminate information on the Commission to the public. It is to prevent the public from obtaining inaccurate information about the Commission and to promote the Commission among those who were still unaware of its existence.

Selain itu, tindakan susulan yang diambil oleh peserta-peserta selepas menghadiri sesi dialog bersama Suruhanjaya juga adalah penting dalam memupuk keyakinan agensi-agensi penguatkuasaan terhadap Suruhanjaya ini. Suruhanjaya mengharapkan agar maklumat-maklumat yang diperolehi oleh peserta di dalam sesi-sesi dialog tersebut akan disampaikan sehingga ke kumpulan bawahan secara berterusan. Sepertimana yang telah ditekankan pada setiap Sesi Dialog dan perjumpaan bersama agensi-agensi penguatkuasaan seliaannya, Suruhanjaya akan sentiasa mencari pendekatan terbaik untuk memantapkan integriti seperti bekerjasama dengan agensi dan bukannya mengambil tindakan bersifat "name and shame".

Selain itu juga, Suruhanjaya ini telah menganjurkan program "turun padang" seperti pameran dan pengedaran risalah bagi memberi penerangan berkenaan fungsi, peranan, bidang kuasa dan matlamat Suruhanjaya kepada orang awam. Pelbagai wawancara dan temu bual di media cetak dan elektronik turut diadakan bagi tujuan memperbetulkan persepsi orang awam. Selain daripada itu, keputusan telah dicapai di dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bil.9 Tahun 2013 pada 8 Julai 2013 bahawa Suruhanjaya ini tidak akan tertakluk kepada penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang akan menjadi sebahagian daripada Petunjuk Prestasi Utama Menteri (MKPI). Hal ini kerana mengambil kira status Suruhanjaya ini sebagai sebuah badan berkanun bebas. Keputusan ini adalah untuk mengelakkan Suruhanjaya ini dilihat sebagai tertakluk di bawah arahan dan bidang kuasa Menteri atau pengaruh politik.

Kejayaan usaha Suruhanjaya ini boleh dilihat daripada jumlah aduan daripada orang ramai yang semakin meningkat. Ini secara langsung menunjukkan kepercayaan orang ramai terhadap Suruhanjaya ini semakin meningkat.

Besides that, follow up action taken by the participants after attending dialogues with the Commission was also important in fostering confidence in the Commission. The Commission hopes that the information obtained by the participants in the dialogue sessions would be channelled to the lower rank group on an ongoing basis. As had been emphasised at every Dialogue Session and meeting with the enforcement agencies under its purview, the Commission constantly searching for the best approach to enhance integrity, such as working in collaboration with the agencies instead of adopting the "name and shame" approach.

In addition to that, the Commission had organised programmes such as exhibitions and distribution of brochures to explain to the public its functions, roles, jurisdiction and its aims. Various talk shows and interviews in the printed and electronic media were held to correct the public perception. Furthermore, a decision was reached at the Commission's Meeting No. 9 of 2013 held on 8 July 2013 that the Commission would not be subjected to the Key Performance Index (KPI) that form part of the Minister's Key Performance Index (MKPI). This decision was taken by the Commission taking into consideration its status as an independent statutory body. Besides that, the decision was also taken in order to avoid the Commission to be seen as being under the direction and jurisdiction of a Minister or political influence.

The success of the Commission's efforts could be seen from the growing number of complaints from the public. This shows an increased public confidence towards Commission.



TANGGAPAN NEGATIF PEGAWAI DAN AGENSI PENGUATKUASAAN

Pada peringkat awal penubuhan Suruhanjaya ini, pendekatan diambil untuk menilai tanggapan atau maklum balas pegawai dan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan Suruhanjaya ini. Tanggapan atau maklum balas pegawai dan agensi penguatkuasaan ini adalah penting dalam memastikan kelancaran operasi harian dan justeru pelaksanaan fungsi Suruhanjaya.

Didapati terdapat segelintir pegawai penguat kuasa yang beranggapan Suruhanjaya ini ditubuhkan untuk "mencari salah" mereka. Salah satu punca yang dimaklumkan kepada Suruhanjaya ini adalah kerana ruang lingkup "salah laku" seperti diperuntukkan di dalam seksyen 24 Akta 700 adalah terlalu luas dan bersifat subjektif.

Oleh yang demikian, Suruhanjaya ini menganjurkan pelbagai sesi dialog dua hala serta lawatan kerjasama bersama agensi-agensi penguatkuasaan ini untuk memperjelaskan bahawa Suruhanjaya ini adalah bersifat neutral dan tidak memihak kepada mana-mana pihak sama ada pihak yang mengadu atau diadukan. Penerangan juga diberikan mengenai ruang lingkup "salah laku" menurut persepektif Suruhanjaya yang terdiri daripada Pesuruhjaya-pesuruhjaya yang berpengalaman serta berpengetahuan luas dalam perundangan, kehakiman dan pentadbiran awam.

Hasilnya, Suruhanjaya ini mendapati pegawai dan agensi penguatkuasaan semakin menyambut baik Suruhanjaya ini dalam pelaksanaan fungsinya. D daripada hasil maklum balas menerusi Sesi Dialog yang telah dijalankan bersama agensi penguatkuasaan, didapati kesemua peserta memahami konsep integriti dan bersetuju bahawa ianya adalah nilai yang wajar dijadikan teras dan amalan dalam bidang tugas terutamanya di dalam bidang penguatkuasaan serta amalan kehidupan.

Bagi menangkis tanggapan negatif ini juga, Suruhanjaya menyambut baik syor daripada peserta Sesi Dialog iaitu supaya menjalankan lawatan audit berkala ke agensi-agensi penguatkuasaan di setiap negeri bagi mendapatkan maklumat-maklumat untuk menambahbaik pengurusan dan operasi Suruhanjaya. Suruhanjaya akan menjalankan perbincangan lanjut dengan agensi berkenaan dengan syor ini. Di dalam hal ini, pegawai-pegawai penguat kuasa adalah dialu-alukan untuk memberi maklumat kepada Suruhanjaya ini mengenai sebarang maklumat berkaitan kes salah laku atau cadangan penambahbaikan dan identiti serta maklumat mereka akan dirahsiakan.

NEGATIVE PERCEPTION AMONG ENFORCEMENT OFFICERS AND AGENCIES

During the early establishment of the Commission, the approach taken by the Commission was to assess the response or feedback from officers and enforcement agencies under its purview. Such response or feedback was essential to ensure its smooth daily operation and the proper execution of the Commission's functions.

However, there were a few enforcement officers suggested that the Commission was set up to find fault. One of the reasons as communicated to the Commission was that the scope of "misconduct" as defined under section 24 of Act 700 is too broad and subjective in nature.

Hence, the Commission organised various bilateral dialogue sessions and visits to the enforcement agencies to explain that the Commission is neutral and does not favour either the complainant or the party complained of. Besides that, explanation was also given on the scope of misconduct from the perspective of the Commission which is comprised of Commissioners who are experienced and knowledgeable in matters relating to legislation, judiciary and public administration.

As a result, the Commission found that officers and enforcement agencies were increasingly receptive to the execution of its functions. From the feedback of the Dialogue Sessions conducted with enforcement agencies, it was found that the participants understood the concept of integrity and agreed that it was a core value to be applied in their duties, especially in the area of enforcement and daily living.

To overcome the negative perceptions, the Commission welcomed the proposal made by participant in Dialogue Session held by the Commission that is to conduct periodical audit visits to enforcement agencies in each state in order to obtain information so as to improve the managements and operations of the Commission. The Commission will conduct further discussions with the agencies in regards to this proposal. Enforcement officers are welcomed to provide information to the Commission regarding any information related to misconduct or any suggestions for improvements. For this matter, their identity and information will be kept confidential.



KURANG PEMAHAMAN ATAU KERJASAMA DARIPADA PENGADU

Pengadu yang terdiri daripada orang awam pelbagai lapisan kebanyakannya tidak memahami tatacara pengurusan aduan Suruhanjaya ini serta butiran dan perincian yang diperlukan untuk Suruhanjaya ini menilai sesuatu aduan. Akta 700 merupakan panduan utama Suruhanjaya ini dalam menerima dan memproses aduan. Telah diperuntukkan di dalam seksyen 23(2) Akta 700 mengenai butiran-butiran yang perlu dikemukakan oleh pengadu semasa membuat aduan.

Namun, Suruhanjaya ini masih meneruskan pengendalian aduan-aduan yang tidak lengkap berlandaskan seksyen 23(3) Akta 700 kecuali jika ketiadaan mana-mana butir atau perincian yang diperlukan itu menjadikan aduan tersebut mustahil atau tidak dapat dinilai. Terdapat juga kes-kes di mana Suruhanjaya ini tidak boleh meneruskan siasatan sesuatu aduan kerana ketiadaan butiran tersebut contohnya butiran pegawai diadukan, masa dan tempat kejadian.


Oleh itu, Suruhanjaya ini telah mengambil langkah untuk mendidik orang ramai mengenai tatacara pengurusan aduan oleh Suruhanjaya dan butiran yang diperlukan semasa membuat aduan. Pendidikan dibuat melalui pelbagai cara seperti pengedaran risalah, penyiaran di laman web rasmi serta media sosial seperti "Facebook" dan "Twitter". Langkah proaktif juga telah diambil di mana jika pengadu tidak dapat hadir di pejabat Suruhanjaya atas alasan-alasan yang munasabah, pegawai aduan telah pergi kepadanya untuk mengambil aduan.

LACK OF UNDERSTANDING OR COOPERATION FROM COMPLAINANTS

Complainants from the members of the public were lack of understanding on the Commission's complaint management procedure. This includes the information that was required to be furnished in order for the Commission to evaluate such complaint. The main source for the Commission in receiving and processing of complaints is the Act 700. Section 23(2) of the Act 700 stipulates the particulars that need to be submitted by the complainant when a complaint is lodged.

Nevertheless, the Commission would still attend to incomplete complaints based on section 23(3) of the Act unless, if without such particulars, the complaint became impossible and impracticable to be assessed. There were also cases in which the Commission was unable to proceed with the investigation of a complaint due to lack of details such as particulars of the officer complained of, time and place of incident.

Thus, the Commission had taken steps to educate the public on its complaint management procedure and the particulars required when making a complaint to the Commission. Education was made through various channels such as distribution of brochures, publication in the official website and social media such as "Facebook" and "Twitter". Proactive steps had also been taken to deal with cases where the complainant was unable to present at the Commission's office for some valid reason, in which event the complaint officer would seek out to the complainant to record his/her complaint.



“ SURUHANJAYA INI ADALAH BERSIFAT NEUTRAL DAN TIDAK MEMIHAK KEPADA MANA-MANA PIHAK SAMA ADA PIHAK YANG MENGADU ATAU DIADUKAN


THE COMMISSION IS NEUTRAL AND DOES NOT FAVOUR EITHER THE COMPLAINANT OR THE PARTY COMPLAINED OF ”



LAMPIRAN
ANNEXURES

LAMPIRAN 1 [CARTA ORGANISASI]

ANNEXURE 1 (ORGANISATION CHART)



**SURUHANJAYA
COMMISSION**

SETIAUSAHA
UTAMA C (Terbuka)
PREMIER GRADE C
(Open Post)

Setiausaha Pejabat
Office Secretary
Gred / Grade
N17/N22/N27/N28/N32



**BAHAGIAN DASAR, PENYELIDIKAN
DAN INOVASI
POLICY, RESEARCH AND
INNOVATION DIVISION**

**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN
URUS SETIA
SECURITY AND SECRETARIAT
DIVISION**

**SEKSYEN
SIASATAN
INVESTIGATION
SECTION**

Timbalan Pengarah
(Siasatan)
Deputy Director
(Investigation)
Gred / Grade 52
(Terbuka)
(Open Post)

Pengarah Director
Gred / Grade 48
(Terbuka)(Open Post)



LAMPIRAN 2 ANNEXURE 2

MESYUARAT SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2013

THE MEETINGS OF THE COMMISSION FOR 2013

KEHADIRAN PESURUHJAYA

ATTENDANCE OF COMMISSIONERS

BIL. NO.	NO. SIRI SERIAL NO.	TARIKH DATE	HADIR PRESENT	TIDAK HADIR ABSENT	DENGAN KEBENARAN WITH LEAVE	TANPA KEBENARAN WITHOUT LEAVE
1.	Mesyuarat Bil.1 <i>1st Meeting</i>	11 Januari <i>January</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Dato' Sri Robert Jacob Ridu Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin	Datuk Paul Low Seng Kuan Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin	✓ ✓ ✓	
2.	Mesyuarat Bil.2 <i>2nd Meeting</i>	15 Januari <i>January</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Dato' Sri Robert Jacob Ridu Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin	Datuk Paul Low Seng Kuan Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin	✓ ✓ ✓	
3.	Mesyuarat Bil.3 <i>3rd Meeting</i>	13 Februari <i>February</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Datuk Paul Low Seng Kuan Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan	Dato' Salehuddin Saidin	✓	
4.	Mesyuarat Bil.4 <i>4th Meeting</i>	11 Mac <i>March</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Datuk Paul Low Seng Kuan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin	Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin	✓ ✓	

BIL. NO.	NO. SIRI SERIAL NO.	TARIKH DATE	HADIR PRESENT	TIDAK HADIR ABSENT	DENGAN KEBENARAN WITH LEAVE	TANPA KEBENARAN WITHOUT LEAVE
5.	Mesyuarat Bil.5 <i>5th Meeting</i>	8 April	Datuk Heliliah Mohd Yusof Datuk Paul Low Seng Kuan Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan	Dato' Salehuddin Saidin	✓	
6.	Mesyuarat Bil.6 <i>6th Meeting</i>	13 Mei <i>May</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Datuk Paul Low Seng Kuan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Dato' Salehuddin Saidin	Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan	✓ ✓ ✓	
7.	Mesyuarat Bil.7 <i>7th Meeting</i>	11 Jun <i>June</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Dato' Salehuddin Saidin	Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan	✓ ✓	
8.	Mesyuarat Bil.8 <i>8th Meeting</i>	26 Jun <i>June</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin	Profesor Tan Sr Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin	✓	
9.	Mesyuarat Bil.9 <i>9th Meeting</i>	8 Julai <i>July</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan	Dato' Salehuddin Saidin	✓	

BIL. NO.	NO. SIRI SERIAL NO.	TARIKH DATE	HADIR PRESENT	TIDAK HADIR ABSENT	DENGAN KEBENARAN WITH LEAVE	TANPA KEBENARAN WITHOUT LEAVE
10.	Mesyuarat Bil.10 <i>10th Meeting</i>	15 Julai <i>July</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin	Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin	✓	
11.	Mesyuarat Bil.11 <i>11th Meeting</i>	30 Ogos <i>August</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin	Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin	✓ ✓	
12.	Mesyuarat Bil.12 <i>12th Meeting</i>	2 Oktober <i>October</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Dato' Salehuddin Saidin	Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan	✓ ✓	
13.	Mesyuarat Bil.13 <i>13th Meeting</i>	11 November	Datuk Heliliah Mohd Yusof Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin	Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin	✓	

MESYUARAT KHAS SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2013


THE SPECIAL MEETINGS OF THE COMMISSION FOR 2013

KEHADIRAN PESURUHJAYA

ATTENDANCE OF COMMISSIONERS

BIL. NO.	NO. SIRI SERIAL NO.	TARIKH DATE	HADIR PRESENT	TIDAK HADIR ABSENT	DENGAN KEBENARAN WITH LEAVE	TANPA KEBENARAN WITHOUT LEAVE
1.	Mesyuarat Khas Bil.1 <i>1st Special Meeting</i>	29 April	Datuk Heliliah Mohd Yusof Datuk Paul Low Seng Kuan Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Sri Robert Jacob Ridu Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan Dato' Salehuddin Saidin			
1.	Mesyuarat Khas Bil.2 <i>2nd Special Meeting</i>	28 Mei <i>May</i>	Datuk Heliliah Mohd Yusof Dato' Sri Robert Jacob Ridu Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin Vinayak Prabhakar Pradhan	Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan Dato' Salehuddin Saidin	✓ ✓	

LAMPIRAN 3 (CARTA ALIRAN PENGURUSAN ADUAN) ANNEXURE 3 (COMPLAINTS MANAGEMENT FLOW CHART)




Petunjuk:

S/jaya - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
 PBT - Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan
 SPRM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Indicator:

Comm. - Enforcement Agency Integrity Commission
 DA - appropriate Disciplinary Authority
 MACC - Malaysian Anti-Corruption Commission



LAMPIRAN 4 (KENYATAAN MEDIA) ANNEXURE 4 (PRESS STATEMENTS)



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS (TASK FORCE) SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN BERHUBUNG KEMATIAN DALAM TAHANAN POLIS DI RAJA MALAYSIA

5 Jun 2013 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan melalui Mesyuarat Ahli-ahli Suruhanjaya pada 28 Mei 2013 telah memutuskan bahawa selaras dengan fungsinya di bawah Seksyen 4 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] dan demi kepentingan awam, suatu penyiasatan di bawah Seksyen 28 Akta 700 hendaklah dimulakan ke atas kematian 2 orang tahanan semasa berada dalam jagaan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Siasatan akan dibuat ke atas kematian N. Dharmendran yang meninggal dunia pada 21 Mei 2013 dan R. James Ramesh yang meninggal dunia pada 26 Mei 2013.

Untuk itu satu Pasukan Petugas (*task force*) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 17 Akta 700 untuk menyiasat kedua-dua kematian tersebut yang diketuai oleh Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Datuk Heliliah Mohd Yusof.

-TAMAT-

NOR AFIZAH HANUM MOKHTAR

Setiasaha/Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
5 Jun 2013



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS DI BAWAH SEKSYEN 17 AKTA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN 2009 [AKTA 700] BERHUBUNG KEMATIAN SEMASA DALAM JAGAAN POLIS DIRAJA MALAYSIA

11 Jun 2013 - Pasukan Petugas yang telah ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] untuk menyiasat kedua-dua kematian tersebut adalah dengan terma rujukan (term of reference) berikut:

- i. Untuk mengenal pasti sama ada terdapat sebarang salah laku seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 24 Akta 700 oleh pegawai PDRM semasa mengendalikan 2 orang tahanan tersebut.
- ii. Sekiranya terdapat salah laku dizahirkan, untuk menentukan dan mengenal pasti:
 - a) bagaimana dan mengapa salah laku itu terjadi;
 - b) apakah peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, Standard Operating Procedures (SOP) atau mekanisme yang menyebabkan atau mendorong kepada berlakunya salah laku tersebut; dan
 - c) individu yang bertanggungjawab ke atas salah laku tersebut.
- iii. Untuk mengesyorkan apa-apa penambahbaikan atau penggubalan semula peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, SOP atau mekanisme bagi memastikan salah laku tersebut tidak berulang.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
 Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



- iv. Untuk melakukan semua perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya dalam menyasat kedua-dua kes kematian tahanan tersebut selaras dengan peruntukan Akta 700.
- v. Untuk menyediakan dan mengedarkan laporan mengenai hasil dan dapatan siasatan yang dilakukan.

KEANGGOTAAN PASUKAN PETUGAS

Suruhanjaya memutuskan keanggotaan Pasukan Petugas adalah seperti berikut:

Nama	Keanggotaan
Datuk Heliliah Mohd Yusof Pengerusi Suruhanjaya	Penyelia
Dato' Sri Robert Jacob Ridu Pesuruhjaya	Penyelia
Encik Ahmad Razif Mohd Sidek Pengarah Bahagian Operasi	Setiausaha Pasukan Petugas
Puan Foo Hui Yi Pengarah Bahagian Dasar, Penyelidikan dan Inovasi	Ahli
Puan Eda Mazuin Abdul Rahman Penasihat Undang-undang	Ahli
Encik Mohd Nadzri Ibrahim Pegawai Penyasat	Ahli



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



Suruhanjaya juga memutuskan agar 2 orang Perunding dilantik untuk membantu Pasukan Petugas ini. Mereka ialah:

- i. Tan Sri Dato' Seri Mohd Jamil Johari, Mantan Timbalan Ketua Polis Negara; dan
- ii. Encik Lim Chee Wee, Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia.

-TAMAT-

NOR AFIZAH HANUM MOKHTAR

Setiausaha/Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
11 Jun 2013



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

20 Jun 2013 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Suruhanjaya Integriti) telah mengimbangkan soal penyertaan Encik Mohd Nadzri Ibrahim, dalam tugas-tugas Pasukan Petugas yang diwujudkan di bawah seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] berhubung perkara kematian N. Dharmendran dan R. James Ramesh dalam tahanan Polis Diraja Malaysia. Di dalam keadaan semasa Encik Mohd Nadzri Ibrahim merupakan pegawai tunggal yang dipinjamkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk berkhidmat dengan Suruhanjaya Integriti. Sistem pinjaman ini sejajar dengan peruntukan seksyen 14(2) Akta 700.

Suruhanjaya Integriti ingin menegaskan bahawa keanggotaan Encik Mohd Nadzri Ibrahim, dalam Pasukan Petugas seandainya dilaksanakan bukan dijalankan secara perseorangan, tetapi secara berkelompok, dengan penyeliaan anggota-anggota lain di dalam Pasukan Petugas. Suruhanjaya Integriti sedar adalah perlu dipastikan tugas-tugas Pasukan Petugas dapat dilaksanakan secara profesionalisme dan tanpa gangguan. Suruhanjaya Integriti juga peka bahawa tugas-tugas Pasukan Petugas hendaklah dilaksanakan secara bijak, adil dan saksama. Kerjasama dari semua pihak sangat diperlukan untuk mencapai objektif tugas-tugas diperlukan.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526

LAMAN WEB: www.eaic.gov.my



Suruhanjaya Integriti berpendirian Encik Mohd Nadzri Ibrahim tidak lagi dibenarkan melibatkan diri dalam apa-apa tugas berkaitan dengan Pasukan Petugas.

Beliau akan terus menjalankan tugas-tugas lain yang dihadapi Suruhanjaya Integriti. Suruhanjaya Integriti akan berunding dengan Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam serta badan-badan lain yang berkenaan dan relevan untuk memastikan tugas-tugas Suruhanjaya Integriti dapat dilaksanakan dengan lincin sejajar dengan peruntukan Akta 700, iaitu Akta yang mewujudkan Suruhanjaya Integriti sebagai suatu badan yang diberi kuasa mengikut perundangan. Suruhanjaya Integriti melaksanakan fungsi mengikut apa yang tertera di dalam perundangan itu dan bukan mengikut apa yang sepatutnya tertera dalam undang-undang itu.

-TAMAT-

DATUK HELILIAH MOHD YUSOF

Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan
20 Jun 2013

LAMPIRAN 5 (SIJIL DAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKAUN SURUHANJAYA)

ANNEXURE 5 (AUDITOR GENERAL'S CERTIFICATE AND REPORT ON COMMISSION'S ACCOUNTS)



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan utama dan nota penjelasan yang lain.

Tanggungjawab Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan berdasarkan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700). Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Suruhanjaya.


Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan berdasarkan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700).

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 (Akta 700), saya turut melaporkan, pada pendapat saya, perakaunan serta rekod dan daftar lain yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan telah diselenggara dengan teratur selaras dengan peruntukan Akta tersebut.


(TOHA BIN SHARIF)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
28 FEBRUARI 2014





PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

Saya, **Idham Bin Abd Ghani**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
Diakui oleh penama diatas)
Di **PUTRAJAYA**)
pada **24 FEB 2014**



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH
PUTRAJAYA

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI PESURUHJAYA


Saya, **Datuk Heliliah Binti Mohd Yusof**, dan **Dato' Sri Robert Jacob Ridu** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Pesuruhjaya **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pesuruhjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN** pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Pesuruhjaya,



NAMA : HELILIAH BINTI MOHD YUSOF
GELARAN : DATUK
TARIKH : 24 FEB 2014
TEMPAT : PUTRAJAYA

Bagi pihak Pesuruhjaya,



NAMA : ROBERT JACOB RIDU
GELARAN : DATO' SRI
TARIKH : 24 FEB 2014
TEMPAT : PUTRAJAYA

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2013

	Nota	<u>JUMLAH</u> RM
ASET BUKAN SEMASA		
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	815,873
		<u>815,873</u>
ASET SEMASA		
Pembayaran Terdahulu	5	8,500
Tunai dan Baki di Bank	6	6,020,903
		<u>6,029,403</u>
LIABILITI SEMASA		
Pelbagai Pemiutang dan Akruan	7	(14,257)
		<u>6,015,146</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>6,831,019</u>
DIBIAYAI OLEH:		<u>6,831,019</u>
LEBIHAN TERKUMPUL		<u>6,831,019</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	Nota	<u>JUMLAH</u> RM
PENDAPATAN		
Geran Kerajaan	8	4,950,000
LAIN-LAIN PENDAPATAN		
Faedah Diterima	9	<u>82,855</u>
JUMLAH PENDAPATAN		5,032,855
Tolak: BELANJA OPERASI		
Kos Kakitangan	10	(1,391,065)
Pentadbiran dan Pengurusan	11	(1,656,006)
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	4	<u>(125,573)</u>
Lebih daripada Operasi		(3,172,644)
Kos Kewangan	12	(192)
Lebih Bersih Tahun Semasa		<u>1,860,019</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	JUMLAH
	RM
Baki pada 1 Januari 2013	4,971,000
Lebihan Bersih Tahun Semasa	1,860,019
Baki pada 31 Disember 2013	6,831,019

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	JUMLAH
	RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi	
Lebihan Bersih Tahun Semasa	1,860,019
<u>Pelarasan untuk:</u>	
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	125,573
<u>Perubahan Modal Kerja:</u>	
Tambahan dalam Pembayaran Terdahulu	(8,500)
Tambahan dalam Pelbagai Pemiutang dan Akruan	14,257
	1,991,349
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan	
Pembelian ke atas Hartanah, Loji dan Peralatan	(876,163)
Pertambahan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	1,115,186
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari 2013	4,905,717
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember 2013	6,020,903
Terdiri daripada:	
Tunai di Bank	6,020,602
Tunai di Tangan	301
	6,020,903

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1. AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Suruhanjaya) adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] berkuat kuasa mulai 1 April 2011. Aktiviti utama Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- 1.1. Menerima aduan salah laku dan menjalankan siasatan;
- 1.2. Mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku;
- 1.3. Melindungi kepentingan orang awam daripada salah laku;
- 1.4. Mengaudit dan memantau operasi serta tatacara agensi penguatkuasaan;
- 1.5. Menggalakkan kesedaran dan pendidikan tentang integriti;
- 1.6. Membantu merumuskan perundangan dan mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan;
- 1.7. Mengkaji apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat syor;
- 1.8. Membuat lawatan ke premis agensi penguatkuasaan dan membuat syor; dan
- 1.9. Melakukan semua perkara yang suai manfaat dan perlu untuk melaksanakan fungsi-fungsi di atas.

2. TARIKH KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan yang disediakan telah diluluskan oleh Pesuruhjaya Suruhanjaya melalui Resolusi Pekeliling Ahli Pesuruhjaya bertarikh 28 Januari 2014 untuk dikemukakan kepada Ketua Audit Negara bagi tujuan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara sejajar dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 4 Tahun 2007. Penyata Kewangan ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Pesuruhjaya Suruhanjaya pada 24 Februari 2014.

3. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

3.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi entiti selain daripada entiti persendirian. Suruhanjaya boleh menerima pakai sepenuhnya pekeling yang telah disediakan oleh Kerajaan Malaysia.

3.2 Dasar-dasar perakaunan penting yang diterima pakai oleh Suruhanjaya

- a) Dasar-dasar perakaunan yang telah diterima pakai oleh Suruhanjaya untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

MASB 1 : Pembentangan Penyata Kewangan

MASB 5 : Penyata Aliran Tunai

MASB 9 : Hasil

MASB 14 : Perakaunan Susutnilai

MASB 15 : Hartanah, Loji dan Peralatan

MASB 20 : Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka, Aset Luar Jangka

MASB 31 : Perakaunan bagi Geran Kerajaan

- b) Penyata Kewangan Suruhanjaya telah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian Suruhanjaya.

3.3 Pengiktirafan Pendapatan

Sumber pendapatan Suruhanjaya terdiri daripada terimaan Geran Mengurus daripada Kerajaan dan pendapatan faedah atas simpanan. Pengiktirafan pendapatan adalah seperti berikut:

- a) Pendapatan Geran Kerajaan
Pendapatan Geran Kerajaan diiktiraf apabila hak menerima geran dikenalpasti
- b) Pendapatan Faedah
Pendapatan faedah diiktiraf apabila faedah diterima

3.4 Hartanah, Loji dan Peralatan; dan Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian atau rosotnilai harta jika ada. Susutnilai dikira sama rata berasaskan kaedah garis lurus pada kadar berdasarkan penilaian di sepanjang tempoh anggaran hayat penggunaannya.

Susutnilai dikira bermula pada bulan perolehan dalam sesuatu tahun sehingga tamat tempoh hayat penggunaannya. Sekiranya perolehan tersebut berlaku selepas 15hb pada bulan perolehan, maka susutnilai akan dikira bermula pada bulan berikutnya.

Kadar utama susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Peratus (%)	Jangka Hayat (Tahun)
Kenderaan	20	5 Tahun
Peralatan Pejabat	20	5 Tahun
Perabot dan Kelengkapan	20	5 Tahun
Peralatan Komputer	20	5 Tahun
Perisian Komputer	33.33	3 Tahun

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Suruhanjaya menggunakan kaedah tidak langsung bagi menyediakan Penyata Aliran Tunai. Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai di tangan dan di bank.

3.6 Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama jumlah yang akan dibayar pada masa depan untuk belian dan perkhidmatan yang diterima.

3.7 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan Liabiliti diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai kewajipan hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

3.8 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah terdiri daripada baki tunai dan di bank. Kaedah pengiktirafan yang digunakan telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan.

a) Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan keseluruhan Suruhanjaya bagi pengurusan risiko adalah untuk mengurangkan kesan pendedahan terhadap risiko kecairan dan risiko aliran tunai.

b) Risiko Kecairan

Risiko Kecairan diambil kira untuk memastikan kecairan tunai, memadai bagi memenuhi tuntutan perbelanjaan melalui langkah kawalan kredit, penerimaan hasil dan geran.

c) Risiko Aliran Tunai

Aliran tunai Suruhanjaya adalah mencukupi bagi tujuan pembangunan dan pengurusan.

3.9 Manfaat Kakitangan

a) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit, bonus dan manfaat-manfaat bukan kewangan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan tersebut kepada Suruhanjaya.

b) Manfaat selepas tamat perkhidmatan

Suruhanjaya mempunyai skim yang dikenali sebagai sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

i. Sumbangan kepada KWSP dan dana persaraan tanpa sumbangan yang diluluskan.

Suruhanjaya membuat sumbangan kepada KWSP dan diakaunkan dalam penyata pendapatan sebagai perbelanjaan tahun perkhidmatan. Suruhanjaya tidak mempunyai tanggungan untuk lain-lain bayaran sebaik sahaja pembayaran sumbangan dibuat. Suruhanjaya turut mempunyai skim dana persaraan yang dibuat bagi semua kakitangan Suruhanjaya yang layak dan disahkan jawatan.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2013 KOS	KENDERAAN		PERALATAN PEJABAT KELENGKAPAN		PERABOT & PERALATAN KOMPUTER		PERISIAN KOMPUTER		JUMLAH	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	-	64,859	-	-	4,376	-	-	-	69,235	
Tambahan	439,604	318,727	5,310	5,310	52,444	60,078	60,078	60,078	876,163	
Pada 31 Disember	439,604	383,586	5,310	5,310	56,820	60,078	60,078	60,078	945,398	
SUSUT NILAI										
Pada 1 Januari	-	3,807	-	-	145	-	-	-	3,952	
Tambahan	48,194	56,783	443	443	4,627	15,526	15,526	15,526	125,573	
Pada 31 Disember	48,194	60,590	443	443	4,772	15,526	15,526	15,526	129,525	
NILAI BUKU BERSIH	391,410	322,996	4,867	4,867	52,048	44,552	44,552	44,552	815,873	

Termasuk dalam baki Hartanah, Loji dan Peralatan pada 1 Januari 2013 ialah aset baru yang dibeli pada tahun 2012 dan aset yang dinilai RM1 diterima melalui pelupusan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada tahun 2012 seperti berikut :

	Peralatan Pejabat RM	Peralatan Komputer RM
Aset dibeli pada tahun 2012	64,810	4,360
Aset Pemberian JPM pada tahun 2012	49	16
	64,859	4,376

5. PEMBAYARAN TERDAHULU

Pembayaran terdahulu yang dinyatakan adalah nilai deposit bagi langganan perkhidmatan Sistem Tol Automatik (Touch & Go).

6. TUNAI DAN BAKI DI BANK

	RM
Baki tunai di bank	6,020,602
Baki tunai di tangan	301
	<u>6,020,903</u>

7. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	RM
Peruntukan Yuran Audit	4,779
Perbelanjaan Pejabat Terakru	6,674
Perkhidmatan Pos dan Setem Terakru	1,646
Tuntutan Perjalanan Terakru	1,158
	<u>14,257</u>

8. GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan yang diterima bagi perbelanjaan mengurus Suruhanjaya tahun 2013 adalah seperti berikut:

	RM
Separuh Tahun Pertama	3,850,000
Separuh Tahun Kedua	1,100,000
	<u>4,950,000</u>

9. LAIN-LAIN PENDAPATAN

Lain-lain pendapatan Suruhanjaya diperolehi daripada faedah akaun semasa di bank-bank tempatan yang diiktiraf berdasarkan kadar semasa yang telah ditetapkan.

10. KOS KAKITANGAN

	RM
Upah, Gaji dan Bonus	1,259,920
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	86,102
Pakaian Seragam	9,476
Latihan dan Kursus	35,567
	<hr/> 1,391,065 <hr/>

11. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

	RM
Elaun Pesuruhjaya	513,500
Pengiklanan Perjawatan	84,518
Penerbitan Video Korporat	48,000
Tuntutan Perjalanan Kakitangan	203,797
Penginapan dan Kemudahan	72,637
Bayaran Telefon Kakitangan dan Pentadbiran	29,507
Kemudahan Pos	7,663
Alatulis dan Percetakan	89,707
Perbelanjaan Mesyuarat	7,948
Perbelanjaan Pejabat	113,477
Seminar dan Konvensyen	178,318
Seminar Luar Negara	65,639
Juruperunding Luar	60,200
Yuran Langganan Perkhidmatan	21,228
Yuran Audit	4,779
Barangan Promosi	51,676
Langganan Buku/Majalah	16,128
Belanja Petrol dan Tol	13,687
Penyelenggaraan Kenderaan	2,729
Penyelenggaraan Peralatan Pejabat	70,868
	<hr/> 1,656,006 <hr/>

Termasuk di dalam perbelanjaan tahun 2013 ialah perbelanjaan bagi bulan Disember 2012 seperti berikut:

	2012
	RM
Bayaran Telefon Kakitangan dan Pentadbiran	1,061
Tuntutan Perjalanan Kakitangan	2,351
Seminar dan Konvensyen	61,400
	<hr/>
	64,812
	<hr/>

12. KOS KEWANGAN

Kos Kewangan Suruhanjaya terdiri daripada bayaran perkhidmatan daripada bank-bank tempatan yang diiktiraf. Termasuk di dalam Kos Kewangan tahun 2013 ialah perbelanjaan bagi bulan Disember 2012.

13. MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Suruhanjaya pada akhir tahun adalah 29 (2012 : 29)



Aras 5, Blok Menara
Bangunan Menara Usahawan
No. 18 Persiaran Perdana
Presint 2, 62652 Putrajaya

www.eaic.gov.my

Talian Aduan **03 8888 6618**

Talian Am **03 8888 1904**



aduan@eaic.gov.my



[suruhanjayaintegriti](https://www.facebook.com/suruhanjayaintegriti)



[eaic_gov](https://twitter.com/eaic_gov)